# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# ENCIK SUPIAN BIN HASSAN
# TUKANG KARUT DAN PENULIS LIRIK

**OLEH:**


**LIS SAFIAH BINTI MOHD SYUKRY 2022923955**

**YASMIN BINTI SALEHUDIN 2022780403**


**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA**
**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN**
**KELANTAN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN**
**KURSUS**
**IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN**
**SEMESTER**
**05 (MAC 2023 – OGOS 2023)**

# PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim,

Alhamdulillah dengan penuh kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. kerana limpah kurnianya , dapat kami menyelesaikan tugasan ini dengan penuh jayanya . Kami ingin mengucapkan sepenuh penghargaan kepada Puan Nurulannisa binti Abdullah iaitu pensyarah untuk subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan (IMR604) , di atas kesudian beliau untuk berkongsi maklumat, membimbing serta memberikan tunjuk ajar sepanjang proses penyediaan temubual ini. Tanpa beliau, kami mungkin akan mengalami kesukaran dalam menyiapkan tugasan ini. Segala usaha dan jasa yang beliau telah berikan kepada kami ini amatlah kami hargai.

Selain itu, kami turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada tokoh yang dipilih iaitu Encik Supian bin Hassan, di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau sepanjang sesi temubual dijalankan. Kami amatlah berbesar hati di atas kesudian beliau meluangkan masa dan berkongsi maklumat dengan kami. Encik Supian adalah seorang yang mudah berurusan dan tidak kekok dalam memberikan maklumat yang diperlukan bagi menjayakan projek ini.

Di kesempatan ini kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa yang telah banyak mendorong kami dan kepada rakan-rakan sekelas yang telah banyak membantu dan mencetuskan idea kepada kami sepanjang proses penyiapan tugasan dilaksanakan. Dalam menyiapkan tugasan ini, banyak yang telah kami pelajari sepanjang penyiapan tugasan pendokumentasian sejarah lisan ini dilakukan. Ianya memberi kami seribu satu makna dalam menimba ilmu tentang pendokumentasian sejarah lisan. Ucapan ini juga kami tujukan kepada semua pihak yang terlibat bagi pembikinan tugasan ini secara langsung dan tidak langsung. Segala bantuan yang telah diberikan kepada kami, amatlah dihargai. Tanpa bantuan-bantuan tersebut, tidak dapat lah kami melaksanakan tugasan ini dengan baik.

Sekian, terima kasih

Yasmin
Penemubual

Lis Safiah
Penemubual

## ISI KANDUNGAN


| Isi Kandungan | Muka Surat |
|---|---|
| **Penghargaan** | i |
| **Isi Kandungan** | ii |
| **Abstrak** | iii-iv |
| **Senarai Abreviasi** | v-vi |
| **Senarai Singkatan** | vii-viii |
| **Rujukan Kata** | ix-xi |
| **Biodata Penemubual dan Tokoh** | |
| 1.1 Penemubual Pertama | xii-xv |
| 1.2 Penemubual Kedua | |
| 1.3 Tokoh | |
| **Pengenalan** | |
| **Transkrip:** | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh | 1 |
| Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan | 2-5 |
| | 5-9 |
| Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya Semasa | 9-11 |
| Bahagian 4: Kerjaya Sebagai Seniman Dikir Barat | 11-23 |
| Bahagian 5: Sumbangan dan Percapaian | 23-30 |
| Bahagian 6: Cabaran | 31-33 |
| Bahagian 7: Harapan dan Pendapat | 33-39 |
| Rujukan | 40-41 |
| **Lampiran:** | |
| Log Wawancara | 43-69 |
| Diari Kajian | 70-73 |
| Senarai soalan | 74-79 |
| Surat Perjanjian | 80 |
| Gambar Bersama Tokoh | 81 |
| Sijil penghargaan | 82-84 |
| Glosari | 85-91 |
| Indeks | 92-94 |

# ABSTRAK

***ABSTRAK***

*Temubual ini dilakukan bersama Supian Hanuman Ikan atau nama sebenar iaitu Encik Supian bin Hassan untuk mengetahui tentang perkhidmatan beliau dalam kejayanya sebagai Tukang Karut Dikir Barat dan Penulis Lirik terkenal di Negeri Kelantan. Temubual ini telah dijalankan di kawasan perumahan Encik Supian sendiri di Tanah Merah, Kelantan. Tarikh temubual tersebut adalah pada 10 Jun 2023 bermula pada jam 8 pagi hingga 11:30 pagi. Encik Supian bin Hassan mula terlibat dalam seni dikir barat ini mulai tahun 1990 dan telah berjaya merangkul beberapa kejayaan sepanjang menjadi seorang Tukang Karut dan Penulis Lirik. Tidak hanya terhad kepada Seniman Dikir Barat, Encik Supian bin Hassan juga adalah Penolong Pengarah Kementerian Belia dan Sukan dan bermula kariernya sejak tahun 2001 di Kompleks Belia dan Sukan, Negeri Kelantan sehinggalah sekarang. Pelbagai rintangan dan cabaran telah dihadapi oleh Encik Supian bin Hassan selama bergelar sebagai Tukang Karut dikir dan Penulis Lirik Terkenal. Sejarah kehidupan dan kerjaya beliau dapat dijadikan sumber inspirasi kepada semua orang.*



***Kata kunci:*** *Supian Hanuman Ikan, Tukang Karut, Dikir Barat, Negeri Kelantan, Penulis Lirik*



***ABSTRACT***

*This interview was conducted with Supian Hanuman Ikan, also known by his real name, Mr. Supian bin Hassan, to explore his services and achievements as a renowned 'Tukang Karut Dikir Barat' (traditional Malay verse performer) and lyricist in the state of Kelantan, Malaysia. The interview took place in Mr. Supian's residential area in Tanah Merah, Kelantan, on June 10, 2023, starting at 8:00 AM and concluding at 11:30 AM. Mr. Supian bin Hassan has been involved in the art of 'Dikir Barat' since 1990 and has achieved significant success as a 'Tukang Karut' (performer of witty verses) and lyricist. Not limited to being an artist in 'Dikir Barat,' he also holds the position of Assistant Director at the Ministry of Youth and Sports in the Kelantan, State 'Kompleks Belia dan Sukan', where he began his career in 2001 and continues to serve. Throughout his journey as a prominent 'Tukang Karut' and lyricist, Mr. Supian bin Hassan has faced various obstacles and challenges. His life and career history can serve as an inspirational source for everyone.*



***Keywords:*** *Supian Hanuman Ikan, Dikir Performer, Dikir Barat, Kelantan State, Lyricist.*

# SENARAI ABREVIASI

**SENARAI ABREVIASI**

| Singkatan | Maksud |
|---|---|
| LKIM | Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia |
| DJ | Disc Jockey |
| TV | Televisyen |
| KL | Kuala Lumpur |
| ILP | Institut Latihan Perindustrian |
| BM | Bahasa Melayu |
| PPK | Persatuan Penulis Kelantan |
| IKBN | Institut Kemahiran Belia Negara |
| UMNO | United Malays Nasional Organisation |
| RTM | Radio Televisyen Malaysia |
| FB | Facebook |
| KPI | Key Performance Indicator |
| PDP | Pustaka Dewan Puisi |
| NGO | Non-Governmental Organisation |
| USM | Universiti Sains Malaysia |

# SENARAI SINGKATAN

## SENARAI SINGKATAN

| Singkatan | Maksud |
|---|---|
| Y.M | Yasmin |
| L.S | Lis Safiah |
| S.H.I | Supian Hanuman Ikan |

# RUJUKAN KATA

**RUJUKAN KATA**

| | |
|---|---|
| **Dulu** | Dahulu |
| **Jela** | Sahajalah |
| **Takda** | Tiada |
| **Diaorang** | Mereka |
| **Dulu-dulu** | Dahulu-dahulu |
| **Duk** | tengah |
| **Buat-buat** | Menghasilkan |
| **Pasal** | Fasal |
| **Sekerap** | Selalu |
| **Apani** | Apa ini |
| **Syok** | Seronok |
| **Ni** | Ini |
| **Kat** | Dekat |
| **Tulah** | Itu lah |
| **Tu** | Itu |
| **Gini** | Begini |
| **Tak** | Tidak |
| **Group-group** | Kumpulan-kumpulan |

| | |
|---|---|
| **Ye** | Ya |
| **Kot** | Barangkali |
| **Masatu** | Masa itu |
| **Takkan** | Tidak akan |
| **Gitu** | Begitu |
| **Kat** | Dekat |
| **Je** | Sahaja |
| **Takdelah** | Tiada lah |
| **Geng** | Kumpulan |
| **Takpalah** | Tidak apalah |
| **Iya** | Ya |
| **Apatah** | Lebih-lebih |
| **Pastu** | Lepas itu |
| **belah** | pada |

# BIODATA

## BIODATA PENEMUBUAL

### 1.1 Penemubual Pertama



| | |
|---|---|
| **Nama** | Yasmin binti Salehudin |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Kulim, Kedah Darul Aman |
| **Alamat** | |
| **No. Telefon** | |
| **Email** | |
| **Program** | Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) |

### 1.2 Penemubual Kedua



| | |
|---|---|
| **Nama** | Lis Safiah binti Mohd Syukry |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Seberang Jaya, Pulau Pinang |
| **Alamat** | |
| **No. Telefon** | |
| **Email** | |
| **Program** | Pengurusan Sistem Maklumat (IM245) |

## 1.3 Biodata Tokoh




| | |
|---|---|
| **Nama** | Supian bin Hassan |
| **Nama Samaran** | Supian Hanuman Ikan |
| **Tarikh Lahir** | |
| **Tempat Lahir** | Tumpat, Kelantan |
| **No Telefon** | |
| **Profession** | Tukang Karut dan Penulis Lirik |
| **Bidang** | Seni Dikir Barat |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Penghasilan transkrip ini adalah merupakan hasil dari sesi wawancara bersama tokoh terkenal dan penting dalam dunia seni dan budaya Malaysia dalam genre seni Dikir Barat ini iaitu Encik Supian bin hassan yang juga sangat dikenali dengan gelaran Supian Hanuman Ikan. Maklumat tambahan, Dikir Barata ada merupakan jenis seni tradisional yang memainkan dan menggabungkan elemen-elemen seperti irama, ritma, tema tertentu, nyanyian dan tarian. Wawancara ini akan menunjukkan dan menceritakan tentang dari segi pengalaman, kehidupan, cabaran dan pandangan daripada tokoh sendiri iaitu Encik Supian mengenai seni ini. Pengenalan ini adalah untuk memberikan gambaran transkrip ini tentang isi temubual yang telah dijalankan bersama Encik Supian sendiri. Di dalam temubual ini, ada beberapa bahagian antaranya, Encik Supian menceritakan latar belakang dirinya seperti disebalik gelaran Supian Hanuman Ikan, Pendidikan, kerjaya semasa dan bagaimana tokoh ini melibatkan diri beliau di dalam seni Dikir Barat ini. Encik Supian ataupun juga dikenali sebagai Supian Hanuman Ikan akan menceritakan pengalaman-pengalaman dan perjalanan hidup beliau sebagai seorang seniman Dikir Barat dan juga aktivis seni budaya warisan melayu dalam mempopularkan seni tradisional ini.

Encik Supian bin Hassan atau nama glamournya di industri seni Dikir Barat ini iaitu Supian Hanuman Ikan yang berasal dari tumpat, Kelantan. Beliau dilahirkan pada dan telah memulakan kerjayanya sebagai seniman Dikir Barat sejak tahun 1990 lagi. Supian Hanuman Ikan juga mulai mempelajari seni Dikir Barat dengan lebih dalam bersama Allahyarham saudara Yusof Kelong. Supian Hanuman Ikan juga lebih gemar dikenali sebagai Tukang Karut dan penulis lirik di dalam seni Dikir Barat ini. Intipati transkrip ini banyak membicarakan tentang pelbagai pencapaian yang dicapai oleh Encik Supian sendiri selama beliau berkecimpung dalam dunia seni Dikir Barat. Antaranya ialah menjadi mentor kepada Kumpulan Dikir Barat, anugerah Aktivis Budaya Kelantan, anugerah Penggiat Budaya 2006, Penganugerahan Adiguru CENDANA dan banyak lagi.

Selain itu, beliau juga telah mengeluarkan beberapa karyanya dalam bentuk buku dan album. Beliau banyak menceritakan tentang prosess mengenai album-album yang telah dikeluarkannya, kontribusinya dalam mengajar dan membimbing generasi muda tentang keaslian Dikir Barat melalui karyanya. Antara album yang telah dikeluarkan ialah "Kompilasi Empat Puluh Enam Lagu", "King of Dikir" dan "Kaki Dikir". Manakala buku yang diterbitkan ialah "Lirikku Lukisan Jiwaku". Transkrip ini juga akan menceritakan tentang cabaran-cabaran yang dilalui yang dilalui oleh Encik Supian sendiri sepanjang beliau mengusahakan dalam mengembangkan seni Dikir Barat ini. Antara cabaran yang dibicarakan adalah dalam mempertahankan nilai-nilai keaslian seni dikir barat ini yang diubah oleh Masyarakat moden.

Akhir sekali, Encik supian atau dikenali sebagai Supian Hanuman Ikan menceritakan hasratnya untuk melihat seni Dikir Barat ini di masa hadapan dapat dikembangkan dan diteruskan oleh generasi baru akan datang. Beliau juga mengimpikan untuk menaikan nama seni Dikir Barat ini di serata dunia. Keseluruhannya, transkrip ini memberikan pandangan mendalam kepada pembaca mengenai pengalaman, sudut pandangan dan harapan Encik Supian sebagai seorang antara tokoh terkenal dalam menaikan seni Dikir Barat ini. Dengan meneliti berbagai aspek kehidupan dan kontribusinya, transkrip ini akan memberikan gambaran yang lebih lengkap tentang peran pentingnya dalam melestarikan warisan budaya Malaysia.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam seni dikir barat dan penulisan. Bersama-sama kami ialah Encik Supian Hassan yang merupakan seorang Tukang Karut Dikir Barat dan Penulis lirik dari tahun 1990 hingga sekarang 2023. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 10 JUN 2023 bersamaan dengan hari sabtu pada pukul 8:30 pagi bertempat di Rumah beliau yang terletak di Tanah Merah, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Lis Safiah dan Yasmin. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan

Petunjuk

S.H.I: Supian Hanuman Ikan

Y.M: Yasmin

L.S: Lis Safiah

# BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

Y.M : **Assalamualaikum dan selamat pagi, jadi hari ini kami akan bertanyakan beberapa soalan kepada encik. Dan kami akan mulakan dengan latar belakang encik, jadi bolehkan kami tahu apakah nama penuh encik dan apakah nama gelaran dalam ahli keluarga ataupun rakan rakan encik ?**

**S.H.I** : Okay [baiklah], terima kasih dan assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan terima kasih juga pada yang bertanya. Nama saya Supian bin Hassan. Panggilan daripada ahli keluarga dan rakan rakan, sama juga Supian. Kalau yang muda dipanggil Abang Pian dan begitulah maksudnya begitu. Daripada keluarga, rakan-rakan yang lain pun samalah, rakan sekerja pun dengan gelaran Encik Supian.

Y.M : **Bolehkah kami tahu kenapa encik memilih nama Supian Hanuman Ikan**
**sebagai nama glamor encik ?**

**S.H.I** : Okay [baiklah], nama itu sebenarnya bukan saya yang letak nama sebenarnya, bukan saya yang letak nama dia. Kita dalam menjadi sebahagian orang kebudayaan ini, kalau di Kelantan ni [ini] dia ada nama-nama yang tertentu lah. Jadi nama saya, yang dapat nama Supian Hanuman Ikan itu sebab ikan belakang dulu (dahulu). Dia ada ikan tu [itu] sebab saya adalah staff [pekerja] daripada LKIM ataupun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Saya menggunakan perkataan Maju Ikan, jadi nama itu di kombinasikan oleh Allahyarham pendikir tersohor kita, Allahyarham Seman Wow Bulan lah. Dia merupakan sifu saya, dia yang mengubah nama tu [itu]. Memasukkan elemen satu watak dalam wayang kulit, meletakan dalam dikir barat maksudnya menggabungkan hanuman ikan. Ada satu watak hanuman dan ikan disitu, dan hanuman itu juga diletakkan ataupun digambarkan sebagai orang yang berperwatakkan seperti seorang panglima, panglima perang ataupun yang semangat juang tinggi dan sebagainya. Dan nama itu pun saya tak [tidak]

jangka suatu hari akan disebut orang lah (ketawa), ingatkan sekadar panggilan biasa saja [sahaja]. Dan saya pun mula-mula nak kata seronok sangat pun tak [tidak] juga sebab bukan nama kita yang kita nak kan. Tapi akhirnya, dia punya serasi dengan nama itu, jadi saya macam mana pun saya pakai jela [sahajalah]. Maknanya masyarakat pakai, keseluruhan orang dalam kesenian saya tu [itu] memakai nama itu lah kepada saya.

**Y.M** : **Bilakah tarikh lahir encik dan dimanakah encik dilahirkan serta dibesarkan ?**

**S.H.I** : Okay [baiklah], saya dilahirkan pada 2 haribulan 11, 1966. Dilahirkan di darah tumpat dan dibesarkan di tumpat lah.

**Y.M** : **Berapakah bilangan adik-beradik encik dan encik merupakan anak yang ke berapa ?**

: Saya ada tiga orang adik beradik, dan saya anak yang pertama lah, anak sulung lah dalam keluarga saya. Saya adalah anak sulung dalam tiga beradik yang semuanya lelaki lah. Saya tidak ada adik-beradik perempuan.

**Y.M** : **Apakah cita-cita encik sewaktu semasa kecil dahulu ?**

**S.H.I** : Kalau tanya cita-cita waktu kecil dulu [dahulu], saya seronok sangat tengok orang jadi juruhebah ni [ini], jadi DJ [Disc Jockey]. Jadi mula-mula dulu [dahulu] kalau tulis dalam buku rekod tu [itu] saya nak jadi pengacara lah, maknanya nak jadi juruhebah yang keluar dalam radio, TV [televisyen].

**Y.M** : **Dimanakah encik menetap sebelum ini atau memang berasal sepenuhnya di sini ?**

S.H.I : Saya pernah berhijrah ke Johor, dalam suasana berkerja ni [ini]. Pernah berada di daerah Muar 2007 hingga 2013. 2013 hingga 2019 di Terengganu dan saya balik semula ke Kelantan pada 2019 lah. Dan saya sepenuhnya banyak berada di Kelantan, tahun-tahun itu saya berada di luar atas dasar tugasan kerja hakiki lah.

Y.M : **Boleh encik ceritakan sedikit tentang pasangan dan anak-anak encik ? Serta pada tahun berapakah encik telah mendirikan rumahtangga ?**

S.H.I : Oh okay [baiklah], saya jawab belakang dulu [dahulu] lah [ketawa] soalan tu kedepan eh. Saya kahwin tahun 1990. Saya ada dapat enam anak, tiga lelaki, tiga perempuan lah. Jumlah anak saya ada enam.

Y.M : **Adakah anak-anak encik masih tinggal bersama atau telah berpindah dan menetap di luar ?**

S.H.I : Anak saya lima dah menetap diluar hanya seorang saja, yang bongsu sahaja yang berada dengan saya. Yang lain semua dah ada kehidupan masing-masing dengan kerjaya masing-masing. Contohnya, di Kuala Lumpur ada tiga, di Terengganu ada satu dan di-- maksudnya dia ada daerah Tanah Merah tapi tak [tidak] bersama dengan saya lah. Yang dah kahwin, maksudnya begitulah. Lima tu [itu] tiga di KL [Kuala Lumpur], satu di Terengganu, satu di Kelantan yang bukan dirumah saya. Yang ada di rumah saya seorang sahaja lah.

Y.M : **Boleh kami tahu nama anak-anak encik ?**

S.H.I : Nama yang sulung Siti Norshuhada, yang kedua Ahmad Muaamar, Ketiga Siti Norshafinie, yang keempat Muhamad Ziyad, yang kelima Siti Nurshamila dan yang keenam Nurkhalid Rifqi.

**Y.M** : **Apakah hobi kegemaran encik pada waktu lapang ?**

**S.H.I** : Waktu lapang, kalau tanya hobi saya suka rekreasi sebenarnya. Saya suka mendaki, dekat sini ada Bukit Panau, kadang-kadang Bukit Keluang. Saya suka aktiviti yang sebegitu lah. (berdehem) Mengajak anak-anak saya keluar ke tempat-tempat yang menarik, yang peranginan dan sebagainya lah. Kalau ada Jeram, Jeram lenang, Jeram pasu, saya suka tempat-tempat begitu.

**Y.M** : **Apakah moto dan prinsip hidup encik ?**

**S.H.I** : Moto hidup saya selagi ada usaha disitu ada kejayaan. Kalau kita nak sesuatu mesti kena usaha lebih sedikit.

**Y.M** : **Adakah ibu bapa encik masih ada ? Jika ada dimanakah tempat tinggal ataupun jika sudah tiada boleh saya tahu pada tahun berapakah mereka tiada ?**

**S.H.I** : Ayah saya masih ada, mak saya dah takda [tidak ada]. Mak saya meninggal pada tahun 2010. Ayah saya masih ada di daerah Tumpat.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

# BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

**Y.M** : **Jadi kita akan teruskan dengan soalan yang berkaitan dengan latar belakang pendidikan. Adakah pendidikan dalam keluarga encik penting ? Jika ya mengapakah perkara tersebut penting ?**

S.H.I : Pendidikan sangat penting lah dalam keluarga, sebab itu saya letak dekat rumah saya (sambil menunjukkan gambar garduasi anak-anak beliau di dinding) perkara yang berkaitan dengan pendidikan sahaja. Supaya dia menjadi motivasi kepada yang lain. Daripada awal saya, saya bukan orang yang jenis memaksa belajar, membaca, tapi dalam masa yang sama kita memberi focus [fokus] kita. Kita juga seorang penulis, dia tengok automatic [automatik] lah, kalau kita dengan buku-buku, anak pun dengan buku-buku. Itu cara saya dengan anak-anak saya memang begitu lah. Kalau menurut soalan tu [itu], kalau kata penting, sangat penting.

Y.M : **Jadi dimanakan encik menerima pendidikan di sekolah dan pada tahun berapa ?**

S.H.I : Saya mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan Tumpat pada tahun 1973 pada darjah satu. Saya tidak ada pendidikan awal kanak-kanak, takda [tiada] masa itu. Dan terus ke sekolah menengah pada tahun 1979 di Sekolah Menengah Datuk Titiwangsa, Sekolah Menengah Tumpat pada tahun 1982 dan seterusnya habis tingkatan lima saya ke ILP [Institut Latihan Perindustrian] pada masa tu [itu]. Menjawab soalan ataupun ada lagi yang saya tertinggal tadi ?

Y.M : **Menjawab soalan. Jadi adakah encik mempunyai guru kegemaran di peringkat sekolah ? Nyatakan kenapa ?**

S.H.I : Guru kegemaran saya pada masa sekolah rendah ataupun menengah kan begitu kan ? Adalah dua, Cikgu Sufian Adam nama dia sama dengan saya yang mengajar sains dan cikgu Daud Muhammad yang masa itu mengajar Bahasa Malaysia lah. Saya suka sebab dia punya karakter dia tu sangat rapat dengan kami dan mudah didekatilah. Mudah didekati dan kita melihat beliau ni [ini], guru-guru yang saya yang saya sebutkan tadi itu sebagai orang yang boleh kita rapat lah maksudnya.

Y.M : **Adakah encik mempunyai sebarang subjek kegemaran ?**

S.H.I : Saya suka subjek BM [Bahasa Melayu] juga. BM [Bahasa Melayu] dan Sejarah lah pada masa itu.

Y.M : **Ketika zaman persekolahan encik, bagaimanakah suasana pembelajaran dan kemudahan yang ada ?**

S.H.I : Oi, peringkat awal tak [tidak] sama dengan sekaranglah. Zaman saya sekolah tahun 73 [1973] tu [itu], dekat rumah takda [tiada] eletrik. Yang saya ingat takda [tiada] elektrik lah, pakai pelita sahaja dan buku kena beli dahulu. Kita pakai buku teks yang nak belajar tu kena beli ataupun tengok, minta pada abang-abang kita yang lain lah, sedara-sedara mara kita. Yang lain minta transfer [pindah] pada kita buku kalau kita darjah satu, dia dah darjah tiga, ambik balik buku dia tu [itu] dan kemudahan di sekolah pun tidak sama macam sekarang lah. Dulu [dahulu] mungkin berdebu, kita pakai kasut getah dan macam-macam lah. Sekarang tak [tidak] nampak lagi dah benda-benda begitu.

Y.M : **Adakah encik pernah menyertai sebarang pertandingan yang berkenaan dengan muzik pada peringat sekolah dan adakah encik pernah menjuarai sebarang pingat yang berkaitan dengan muzik ataupun pingat-pingat lain ?**

S.H.I : Saya takda [tidak ada], pada zaman sekolah saya hanya join [sertai] satu pasukan dikir barat sekolah sempena sambutan hari guru gitu-gitu [begitu-begitu] sahaja. Di zaman persekolahan saya minat tu [itu] ada, tapi saya tiada apa-apa pertandingan, tiada peluang lah masa itu nak-- pertandingan-pertandingan masa itu tak [tidak] diadakan.

**Y.M** : **Adakah encik melanjutkan ke peringkat seterusnya selepas peringkat menengah dan encik ambik kursus apa dekat ILP [Institut Latihan Perindustrian] itu ?**

S.H.I : Lepastu saya pergi ke ILP [Institut Latihan Perindustrian], saya berada di Perai. Saya ambil mekanik kenderaan motor lah pada masa itu. Dan sekembali tu [itu] saya tak [tidak] buka bengkel apa pun (ketawa) habis setakat belajar jela (sahajalah).

**Y.M** : **Apakah kenangan manis yang Encik paling ingat ketika peringkat sekolah ?**

S.H.I : Kenangan manis di sekolah apabila saya banyak terlibat dengan aktiviti kokurikulum terutamanya olahraga, dalam bola speak, bola tampar dan saya juga adalah ahli dalam ahli kadet polis masa disekolah dulu (dahulu). Itu antara kenangan-kenangan manis saya lah semasa saya belajar.

**Y.M** : **Adakah encik pernah mengambil sebarang kursus yang berkaitan dengan bidang penulisan ataupun nyanyian dan dekat mana encik ambil ?**

S.H.I : Untuk bidang penulisan, mulanya saya takda [tidak ada] mana-mana lah, maksudnya saya tidak pergi mana-mana cuma mendengar sehala sahaja. Selepas tahun lapan puluh sembilan 89 [1989] lebih kurang begitulah, saya join [sertai] dengan persatuan penulis Tumpat dan mengikuti banyak bengkel penulisan bersama dengan sasterawan negara Arena Watie dan ramai lagilah yang hadir. Dan saya join [sertai] persatuan PPK [Persatuan Penulis Kelantan], Persatuan Penulis Kelantan, dengan persatuan penulis aswada dan saya ikuti banyak bengkel pernulisan. Sebenarnya tiada penulisan dikir barat ni [ini], yang saya pergi ialah penulisan cerpen dan puisi sahaja dan novel. Tetapi saya tak [tidak] menulis novel dan cerpen, saya tidak pernah terlibatlah. Saya balik dah berfikir dan saya rasa sesuai dengan minat saya, saya terus menulis lirik lah.

TAMAT BAHAGIAN 2

# BAHAGIAN 3: KERJAYA SEMASA

Y.M : **Jadi kita akan teruskan dengan soalan tentang pengalaman kerjaya semasa. Jadi berdasarkan hasil carian saya, saya dapatikan encik juga penolong pegawai di Kementerian Belia dan Sukan. Jadi bolehkah saya tahu serba sedikit tentang perkara tersebut ? Dan dimanakah tempat pertama encik bertugas sebagai penolong pegawai Belia dan Sukan ?**

S.H.I : Saya bertugas di Kementerian Belia dan Sukan sebagai penolong pegawai Belia dan Sukan. Tempat mula [permulaan] saya adalah di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kelantan. Dan bertugas sebagai penolong pengawai Belia dan Sukan ni [ini], skop tugasnya untuk melaksanakan ataupun menguruskan program belia, sukan dan rakan muda. Itu dia punya skop tugaslah, dan bila di kompleks dan sukan dulu [dahulu], kami uruskan juga dewan, gymnasium, asrama dan kemudahan-kemudahan lain lah yang ada disitu, semasa itu. Disamping itu, tugas-tugas tadi lah belia, sukan dan rakan muda.

Y.M : **Berapakah umur encik pada pertama kali encik menjadi pegawai itu ?**

S.H.I : Semasa di kementerian Belia dan Sukan, saya dah lewat dah masuk, saya masuk pada umur tiga puluh lima [35] tahun masa itu, semasa itu saya dah di LKIM [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia] lah.

Y.M : **Apakah pencapaian terbesar encik sebagai penolong pegawai Belia dan Sukan ? Mungkin pernah menjadi pegawai sukan untuk apa-apa ?**

S.H.I : Saya-- untuk soalan itu, kalau kejayaan besar, saya dapat anugerah khidmat cemerlang lah pada tahun 2006, 2009. Saya pernah mendapat rakan muda aktif negeri Johor pada tahun 2008 tak [tidak] silap saya. Dan lebihnya, saya adalah mentor kepada program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.

Y.M : **Adakah sukar menjadi seorang pegawai Belia dan Sukan dan apakah cabaran yang pernah encik hadapi ?**

S.H.I : Cabaran yang untuk sebagai seorang pegawai belia ni apabila, bila kita bertugas di pejabat belia daerah, apabila banyak persatuan yang hidup segan mati tak [tidak] mahu, ada yang dah mati. Kita buat program macam mana kita nak ajak orang masuk, itu sedikit cabaran lah. Sebab orang yang belia-belia ni [ini] berada di-- bukan terkurung macam di IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara]. Yang berada di rumah masing-masing, nak minta diaorang ni [ini]-- contohnya, ini contoh ada satu senamrobik macam mana nak kumpul lima puluh [50] orang ? tu [itu] sedikit cabaran lah. Sebab kita nak bawa orang tu [itu] (ketawa) crowded [orang ramai] tu [itu], apatah [lebih-lebih] lagi program yang lebih besar lah.

Y.M : **Adakah encik mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan sebagai pegawai Belia dan Sukan ?**

S.H.I : Pengalaman yang tak dapat dilupakan, dia ada dua yang baik, buruk. Ada dua lah, yang baiknya saya menjadi mentor kepada lima puluh satu [51] pemegang emas anugerah remaja perdana. Saya adalah mentornya termasuk salah satu di Johor dan selebihnya di Terengganu. Yang di Kelantan ni [ini] baru nak adalah, ada lapan ada lah. Tapi yang dah dapat lima puluh satu [51], saya jadi mentornya kepada diaorang lah. Perkara yang-- tragedi yang tak [tidak] dapat dilupakan adalah satu program tu [itu], konvoi motor rakan muda, ada satu peserta masa dekat tangkak di Johor jatuh motor dan meninggal dalam program saya lah masa itu. Itu tidak dapat dilupakan lah. Sesuatu yang agak mengerikan

lah bagi saya apabila buah pinggang beliau terpaksa dipotong dan sebagainya. Jadi saya ada satu kes sahaja semenjak saya bertugas sebagai pengarah pegawai Belia dan Sukan.

Y.M : **Bolehkah encik ceritakan sedikit kerjaya encik sebelum menjadi pegawai Belia dan Sukan ?**

S.H.I : Saya pada tahun 90 sampai (sedang berfikir)-- selesa kerja UMNO [United Malays Nasional Organization] bahagian Tumpat, itu jawatan pertama saya. Sebelum tu [itu] saya adalah kerja kampung, kerja bendang selepas saya belajar ILP [Institut Latihan Perindustrian] itu adalah tolong bapa saya buat padi apa semua tu [itu]. Tapi itulah jawatan pertama saya berkerja di satu-- bukan agensi kerajaan tetapi agensi parti lah saya berada di situ sembilan puluh empat 94 [1994] saya ke Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia lah, sebagai penyelia jeti masa itu, penyelia pusat pendaratan sehinga tahun 2001 lepastu saya ke Kementerian Belia dan Sukan.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

# BAHAGIAN 4: KERJAYA SEBAGAI SENIMAN DIKIR BARAT

L.S : **Seterusnya kita akan pergi kepada seksyen pengalaman kerjaya seniman Dikir Barat. Soalan pertama bagi seksyen seterusnya kami akan menanyakan encik pengalaman encik Supian, jadi pada tahun berapakah encik melibatkan diri dalam seni Dikir Barat ini ?**

S.H.I : Saya mula terlibat dalam seni dikir barat ini mulai tahun 1990 lah. Secara serius, secara orang kata minat. Mula minat lepastu macam mana nak berada dalam industri itu, jadi tahun sembilan puluh 90 [1990] saya kira bermula lah. Lebih kurang begitu lah

**L.S : Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam seni dikir barat ini ?**

S.H.I : Saya berada pada tahun tersebut, saya sebagai setiausaha Persatuan Gerakan Belia 4B Malaysia di Kampung Dalam Rhu, dibertanggungjawab lah masa itu mengisi masa lapang rakan-rakan yang berada dalam persatuan, jadi lahirnya tu [itu] sebab atas dorongan, atas minat rakan-rakan yang lain untuk buat satu pasukan dikir barat lah masa itu. Jadi bermula pada saat itu saya berada disitu sebagai pemimpin satu kumpulan sahaja pada peringkat awalnya.

**L.S : Mengapakah Encik ingin meneruskan kerjaya encik sebagai seniman dikir barat ini ?**

S.H.I : Okay [baiklah] pertama saya rasa seronok. Saya rasa seronok sebab saya suka mendengar lagu-lagu yang baik-baiklah. Maksudnya lagu yang berunsur nasihat, lagu yang berunsur mengajak masyarakat kepada sahsiah yang murni. Jadi saya suka disitu sebab saya mendengar apa luahan daripada pendikir itu. Dan pada masa yang sama, pada ketika itu ada bait-bait perkataan yang tidak elok lah dalam dikir barat ini. Yang saya rasa ada usaha dalam diri saya yang berkobar-kobar masa itu tapi saya belum langkah hebat lagi pada masa tu [itu] tetapi saya sudah ada rasa ingin merebah dikir barat menjadi milik masyarakat yang murni lah.

**L.S : Pernahkah Encik Supian menghadapi tanggapan yang kurang baik daripada Keluarga ataupun orang sekeliling ketika Encik menceburi diri di dalam bidang ini ? Macam dulu [dahulu] kan ada setengah tu [itu] orang dulu [dahulu] pandang macam seni ni [ini] kan macam tak [tidak] okay [baik] kan?**

S.H.I : Okay-okay [baiklah-baiklah], peringkat awal adalah yang halangan tu [itu] nya daripada family [keluarga] sikit-sikit. Tetapi tak [tidak] banyak sangat lah mungkin dia kata buang masa, tidak dapat apa apa pun. Kan dia tak [tidak] nampak kan dia hanya kerja hiburan semata-mata ataupun lebih kasar berkecimpungan dalam maksiat, contohlah kita kata kan ada yang kasar tu [itu] ada tapi perkara itu akhirnya dilenyapkan atas pembawakan kita sendiri lah.

L.S : **Dimanakah encik belajar kemahiran asas tentang dikir barat ini ?**

S.H.I : Saya awalnya saya mendengar sahaja dalam radio dulu-dulu [dahulu] dalam kaset. Saya cuma seorang pendengar sahaja dan saya mulai belajar dengan Allahyarham saudara Yusof Kelong lah. Bila beliau dijemput menjadi tenaga pengajar dalam kumpulan saya, saya sendiri melihat beliau keluar TV (televisyen) dan sebagainya jadi timbul rasa minat. Jadi dia adalah antara yang saya banyak bersembang, bertanya mengenai dikir barat lah. Dan dia juga masa tu [itu], dia seorang ketua kampung lah di Kampung Gelong Tumpat dan kebetulan saya pun berkerja di sebagai setiausaha kerja UMNO [United Malays Nasional Organization] memang rapat lah dengan dia banyak masa dapat mencuri-curi segala perngalaman dia lah pada masa tu [itu].

L.S : **Menurut kajian, encik sekarang adalah seorang tenaga pelajar bagi pasukan dikir barat betul ?**

S.H.I : Betul, saya adalah tenaga pengajar bagi pasukan Seri apani [apa ini], Seri Keseng Kota Bharu dan juga mengajar di IKBN [Institut Kementerian Belia dan Negara] satu kumpulan lelaki, satu kumpulan wanita.

**L.S** : **Apakah nama pasukan dikir barat yang encik sedang mengajar sekarang ?**

S.H.I : Pasukan tu, pasukan namanya Seri Keseng. Keseng, K-E-S-E-N-G. Pasukan kedua, pasukan.. dia tak ada nama, dia IKBN [Institut Kementerian Belia dan Negara] je [Sahaja] lah. Puteri IKBN [Institut Kementerian Belia dan Negara]-- Puteri IKBN [Institut Kementerian Belia dan Negara]. Yang sekarang lah, yang akan datang-- yang offer offer [tawaran-tawaran] tu [itu] ada (ketawa).

**L.S** : **Apakah lagu pertama yang Encik Supian telah hasilkan ?**

S.H.I : Lagu yang pertama-- yang pertama saya terlupa. Tapi yang dirakam yang pertama adalah lagu "Sejarah Cinta" dendangan Megat Nordin. Kalau yang tulis main-main tu [itu], saya tak [tidak] ingatlah. Lagu pertama saya terlupalah. Mungkin masa tu [itu] hanya mencuba-cuba. Tapi lagu ini dalam banyak-banyak lagu, ini lah lagu pertama yang dirakamkan. Masa tu [itu] keluar dalam bentuk kaset sahaja pada masa tu [itu].

**L.S** : **Selain itu, berapakah buah lagu yang encik sudah hasilkan sepanjang penglibatan Encik sebagai seniman dikir barat ini ?**

S.H.I : Saya rasa sudah menghampiri seribu lagu. Biasa kalau orang tanya dulu-dulu [dahulu], saya kata lima ratus [500] lebih tapi sebab sampai ke sekarang saya masih lagi duk [tengah] buat-buat ni [ini] saya rasa dah hampir dah mencecah seribu [1000] lagu lah. Termasuk lagu-lagu pertandingan, lagu iklan-- apa nama ni [ini]-- (sedang memikir) kepada jabatan-jabatan, semua sekalilah. Kalau dicampurkan, saya rasa semua naskah saya tak [tidak] dapat dikumpulkan secara-- orang kata secara rapilah maksudnya satu persatu. Sebab mungkin terlupa yang saya kumpul, ada dalam lima enam ratus gitu [begitu]. Tapi saya rasa ia sudah mencecah hampir seribu [1000] lah.

L.S : **Siapakah Idola Encik Supian dalam persembahan dikir barat dan di dalam penulisan lirik ?**

S.H.I : Okay (baiklah) dalam dikir barat ni [ini] saya minat-- seperti yang saya kata kan tadi orang yang pertama saya kenal saudara Yusof Kelong, saya minat Semawa Bulan, saya minat-- (sedang berfikir) apa ni-- Muhsin Gelang Emas, saya minat pada Tujuh Sala Jambu dan dalam bidang penulisan saya minat kepada Muhammad Nordin Bukit Abar. Itu antara sifu sayalah, antara saya selalu follow [ikut] untuk saya belajar menulis dikir barat. Yang tadi adalah orang-orang yang saya rasa sangat hebat dalam dikir barat tu [itulah] lah.

L.S : **Siapakah yang sering menyanyikan kebanyakkan lagu dan lirik ciptaan selain Encik Supian sendiri ?**

S.H.I : Okay [baiklah] lagu-lagu saya banyak saya serahkan pada masa tu [itu] pada awalnya kepada saudara Megat Nordin, Mat Glamour, Setapo Merak Emas, Rizal Ranjuna, Fendi Ayam Serama, Norma Dahlia dan ramai lagilah. Kalau saya nak menyebut namanya tu [itu] tak [tidak] tersebutlah semua semua sekali lah maksudnya ramailah.

L.S : **Apakah pencapaian tertinggi ataupun yang paling Encik ingati daripada penulisan lirik kepada penyanyi penyanyi yang Encik sebutkan tadi ?**

S.H.I : Okay (baiklah), percapaian tertinggi saya diminta menulis untuk lagu sebuah Program Citrawarna yang melibatkan seribu pendikir barat tahun 2000. Saya yang menulis lagu tema pada program itu, dan namanya "Citrawarna" pada masa itu lah. Dan lain lain lagu saya banyak dibawa oleh tok-tok juara kita ni semasa di pertandingan lah macam di RTM [Radio Televisyen Malaysia], final [akhir] dan sebagainya. Banyak dibawa tok-tok juara la.

**L.S** : **Berapa lamakah encik mengambil masa untuk menghasilkan satu lirik baharu ?**

S.H.I : Untuk menghasilkan lirik lagu baru, ada yang ambil dalam lima belas [15] minit [ketawa], ada yang ambil masa tiga puluh [30] minit, ada satu jam, ada satu hari, ada satu minggu, ada satu bulan. Dia tak [tidak], tengok pada keadaannya. Dan bila siap satu lagu dia tak [tidak] semestinya satu lagu itu dapat dikeluarkan secara segera, mungkin saya ada simpan tahun 2006 masih lagi belum keluar pun ada. Jadi dia punya nasib lagu tu [itu] bergantung kepada keadaan dan siapa yang akan bawa lagu tu [itu] lah maksudnya begitu. Dan tengok balik perlu ada berubah kita simpan dulu [dahulu], kadang kadang tak [tidak] sesuai pada musim tu [itu].

**L.S** : **Jadi, apakah perkara penting yang perlu dilihat semasa proses penulisan lirik ini?**

S.H..I : Saya titik-beratkan pada pasal [fasal] tema, yang kedua pasal [fasal] ritma, yang ketiga pasal [fasal] apakah melodi yang sesuai dan yang terakhir sekali penyanyi manakah yang akan bawa lagu ini secara, orang kata secara terbaiklah, maksudnya yang terbaik untuk bawa lagu ini.

**L.S** : **Bagaimanakah untuk menghasilkan lagu yang berkualiti untuk dikir barat ?**

S.H.I : Lagu yang berkualiti bergantung kepada-- saya kalau saya letak, saya letak kepada orang yang mendendangkan lagu itulah. Itulah kualitinya berada disitu. Kalau dia orang hebat, orang yang pandai bawa lagu, yang menghayati lagu itu. Maka lagu tu insyallah akan berjaya lah. Mendekati peminat ataupun pendengar.

L.S : **Apakah yang encik sering lakukan untuk mendapat inspirasi semasa menghasilkan semua lirik tersebut ?**

S.H.I : Inspirasi saya, saya tengok daripada keadaan sekeliling saya. Tema, sekeliling, apa yang berlaku, tak [tidak] kira pada apa-apa sumber mana maksudnya sumber. Kadang-kadang tengok berita, kadang-kadang tengok surat khabar, kadang-kadang cerita orang (ketawa), kadang-kadang kita tengok internet [Rangkaian Komputer Antarabangsa] pun kita boleh hasilkan satu lagu begitu.

L.S : **Berapakah bilangan album yang pernah Encik terbitkan dan bolehkah kami tahu nama nama bagi album tersebut ?**

S.H.I : Yang saya terbitkan ada tiga lah. Tiga album yang saya betul-betul buat sendiri, ada tiga. Satunya "Kompilasi Empat Puluh Enam Lagu" ciptaan sayalah, ciptaan Sufian Hanuman Ikan, itu yang saya terbitkan. Yang kedua "King of Dikir" dua belas [12] lagu (disampuk) King [raja] bukan Queen [permaisuri]— King [raja]. King [raja] of [daripada] dikir-- raja dikir. Lepastu yang terakhir sekali "Kaki Dikir". Itu yang last (akhir) lah yang saya buat semasa covid itu hari.

L.S : **Sebelum ini adakah Encik Supian selalu menyertai sebarang pertandingan dikir barat ?**

S.H.I : Saya jaranglah-- jarang sangat, ada pernah. Dengan RTM [Radio Televisyen Malaysia] pernah juga sesekali pada awal tahun 90an saya pernah masuk. Tetapi saya bukan seorang yang mengfokuskan kepada pertandingan lah. Secara individunya saya bukanlah orang yang fokus pada pertandingan untuk saya.

L.S : **Dimanakah dan bila kali pertama Encik mempersembahkan dikir barat di khalayak ramai ?**

**S.H.I** : Okay (baiklah) yang peliknya saya orang Kelantan. Tempat yang pertama saya dikir dikhalayak ramai ialah di Penarik, Terengganu di daerah Setiu. Semasa saya berkerja di LKIM [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia], kan geng [Kumpulan] saya dekat LKIM [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia] di Terengganu (ketawa kecil) yang panggil saya kesana. Dia datang sini dia buat saya kesana pulak, jadi sana memang tempat komersial lah masa tu [itu] ada___ . Saya pun tak [tidak] sangka saya orang Kelantan tetapi persembahan saya di Terangganu. Persembahan kedua pun di Terengganu (ketawa kecil) begitu. Lepastu saya baru balik berdikir di Kelantan dari segi persembahan di depan orang ramai. Mungkin kerana orang Kelantan, takda [tidak ada] nasib lagi masa tu [itu]. Ataupun orang kita segan, bila kita pergi luar negeri orang pun orang tak [tidak] kenal kita, yang pentingnya jemputan tu [itu]. Jemputan yang pertama tu [itu] yang boleh kita kata inilah sejarah awal dan saya pun pernah bertugas disitu. Saya pernah bertugas di Setiu sebelum saya pindah ke sini daripada Johor, saya berada disitu. Saya ingat "inilah daerah yang pertama aku berdikir" dan alhamdulillah kita balik tu [itu] pun kita dapat dikir lagi lah.

**L.S** : **Adakah Encik masih dijemput untuk membuat persembahan dikir barat? Jika ya, dimanakah antara lokasi yang selalu Encik pergi?**

**S.H.I** : Jawapannya iya [ya], dan tempat selalu pergi ni [ini] tak [tidak] terhad lah takda [tidak ada] yang tertentu lah. Takdalah [tidak adalah] yang tertentu lah, Kota Bahru pun ada, di Bachok ada, di Tumpat ada, di sekitar Tanah Merah nya pun ada. Jadi adalah tapi tidaklah sekerap dulu (dahulu) lah. Kita ni [ini] dah dikira kategori veteran, pada yang lain, sekarang ni [ini] orang nak dengar yang baru-baru kan, tapi kita masih lagi menulis lah. Itulah selalu tempat, sebab saya sebagai tenaga pelajar, saya masih boleh lagi turun ke tempat tu lah bila dia buat sesuatu sambutan apa tu, masih lagi turun lah kawasan Kota Bahru dan sebagainya.

L.S : **Adakah Encik Supian mempunyai mana-mana ahli keluarga atau saudara-mara yang mengikuti jejak langkah Encik Supian sebagai seniman dikir barat ?**

S.H.I : Kalau untuk menulis, saya tak [tidak] nampak lagi. Kalau untuk berdikir mengeluarkan seni suara yang baik takda [tidak ada] lagi tapi yang ikut saya dan dikir barat ada dua beradik lah. Anak saya number dua dan number ni, yang bongsu tu [itu]. Dia boleh main alat musik, dia boleh main rebana ibu. Pernah saya berdikir, diaorang yang main musik. Jadi ada dua anak saya terlibat sebab saya selalu bawa diaorang ni [ini] ke tempat training [latihan], akhirnya diaorang [mereka] sendiri yang main dengan alat-alat musik lah.

L.S : **Bagi soalan seterusnya, selain dikir barat, Encik juga ada berkecimpungan dalam industri penulisan lirik, jadi di antara dua bidang ini yang mana lebih menarik minat Encik Supian ?**

S.H.I : Saya lebih minat menulis lah, menulis lagu lah. Nama tu [itu] pendikir, nama saya tu Supian Hanuman Ikan dalam dikir barat tapi dalam dikir barat itu ada beberapa ketegori Tok Juara, Tukang Karut. Saya adalah seorang Tukang Karut juga, tetapi saya lebih berkecimpung atapun lebih aktif, lebih rasa seronok, lebih rasa kepuasan apabila saya dapat mencipta lagu lah, menulis lirik lagu.

L.S : **Apakah rahsia dan petua Encik Supian untuk terus kekal dalam bidang seni dikir barat sehingga sekarang ?**

S.H.I : Rahsia tu [itu] takdalah [tidak adalah] rahsia sangat pun sebenarnya. Kita, sebenarnya kita tak [tidak] lokek la ilmu kita, kita tak [tidak] sombong, kita apani [apa ini] boleh berkerjasama dengan semua pihak. Jadi membuatkan kita masih lagi kekal berada disini selama usia 30 tahun lebih lagi lah. Saya rasa tidak ada, sebarang apa apa rahsialah, kecuali silaturahim antara kita jela [sahajalah]. Itu yang penting sekali sebenarnya.

**L.S** : **Pernahkan Encik Supian diminta untuk menjadi guru atau mentor dalam seni dikir barat ini ?**

**S.H.I** : Ya pernah, kalau yang sebelum ni [ini] saya kata kumpulan Seri Kesing dengan IKBN [Institut Kementerian Belia dan Negara] tadi pernahlah sebelum pada ni [ini] saya pernah mengajar di IKBN [Institut Kementerian Belia dan Negar] Pagoh semasa saya berada di Johor, di sekolah menengah Teknik Muar, di Pulapol Muar. Kalau zaman di Kota Bahru dulu [dahulu], saya di sekolah kebangsaan Che Latiff Kota Bahru dan banyak lah pasukan yang kalau saya nak sebut nama tu [itu] sebab kita ni [ini] dah pergi terlalu jauh jadi antara apa yang saya sebut disini itu lah tempat-tempat yang saya turun untuk beri tunjuk ajar.

**L.S** : **Apakah kenangan manis yang sepanjang encik melibatkan diri di dalam seni dikir barat ini ?**

**S.H.I** : Kenangan manis saya apabila lagu-lagu saya ke final [akhir] dalam pertandingan-pertandingan lah. Dan apabila orang yang mengiktiraf kita sebagai seniman dikir barat, itu yang kita rasa syok [seronok] sebenarnya. Kalau dulu [dahulu)]zaman kita muda-muda dulu [dahulu] kita ni [ini] pendengar. Pendengar-pendengar, peminat biasa sahaja, satu hari kita dah terjun dalam bidang tu kita masih kekal disitu dan orang masih ingat kita. Itu yang rasa bagi kitalah satu pencapaian yang sangat menyeronokkan lah.

**L.S** : **Apakah perkara yang encik sangat menitikberatkan ketika ingin persembahkan dikir barat ?**

**S.H.I** : Yang pertama bagi segi penampilan lah, disiplin. Yang pentingnya ketepatan masa lah, masa yang perlukan oleh sesuatu persembahan dan sebagainya. Penampilan kita dan segala tutur kata kita, segala perlakuan kita akan menjadi totonan orang lain lah. Kita ni [ini] dah gini [begini], public figure [tokoh

Masyarakat] dipanggil, orang nak tengok kita situ, situlah. Kalau kita buat tak [tidak] senonoh, tak [tidak] senonohlah orang tengok kita. Kalau kita bertutur ataupun berdikir dalam bahasa yang tak [tidak] senonoh, orang akan nampak itulah imej kita. Jadi yang penting penampilan, imej diri kita perlu baiklah.

L.S : **Boleh kami tahu siapakah yang sering mendorong encik untuk meneruskan menjadi seorang penggiat seni di dalam dunia Dikir Barat ini ?**

S.H.I : Pendorong pertama diri kita sendiri, yang kedua rakan-rakan kita yang seangkatan dengan kita, yang selebihnya itu lah family [keluarga] kita sendiri lah. Yang tak [tidak] pernah mengatakan tidak kepada kesenian ini.

L.S : **Apakah projek yang sedang Encik jalankan sekarang ?**

S.H.I : Projek saya sekarang saya masih lagi menulis lirik-lirik lagu dikir barat ni [ini]. Untuk saya bagilah maknanya untuk nak meningkatkan lagi ataupun memberi ruang kepada pendikir-pendikir muda ni [ini] untuk naik lah, maksudnya gitu [begitu]. Itu antara perkara yang sedang buat lah sekarang ni [ini] dan saya sendiri sedang mengorak langkah untuk pergi ke menulis mungkin buku-buku yang berkaitan dengan dikir baratlah.

L.S : **Seterusnya, adakah Encik berminat untuk menceburi mana mana kategori dalam bidang Dikir Barat. Dalam bidang dikir kan banyak kategori kan, Adakah Encik nak cuba?**

S.H.I : Saya rasa saya memadai apa yang saya adalah sekarang ni [ini]. Setakat yang saya ada dengan umur saya ni [ini] saya rasa bidang penulisan Dikir Barat itu satu-satunya yang orang kata yang saya pegang lah. Yang lain tu saya boleh berdikir macam biasa dan alat-alat muzik tu saya boleh sentuh jugalah sikit-

sikit lah. Dan jadi takda [tidak ada] apa-apa lagi yang perlu saya rasa saya nak kejar terlalu laju lah dalam Dikir Barat ni, saya dah dapat kesemua sekali.

L.S : **Bagaimanakah Encik menyesuaikan diri dengan perubahan dikir barat dengan masa kini dengan dahulu terutamanya apabila dengan adanya sosial media dan orang ubah ?**

S.H.I : Okay, menjawab soalan tu [itu] sekarang ini lagu saya pun dah masuk Youtube (ketawa) dah pergi pada Tiktok, pergi juga FB [Facebook] dan sebagainyalah. Kita kena ikut jugalah peredaran semasa, apani [ap aini] zaman semasa lah, maksudnya lagu kita dimuat kat [dekat] situ dan lagu kita pun dah ada dekat radio. Dulu kita mendengar lagu orang, sekarang kita mendengar lagu yang kita reka buat, kita cipta sendiri. Setiap hari berkumandang dekat radio lah maksudnya THR Gegar, Kelantan FM, Manis FM sentiasa ada, dan kita sendiri pun kadang kadang dipanggil untuk ke radio menjadi sebahagian daripada jurucakap kepada persembahan inilah ataupun kebudayaan inilah kesenian ini.

L.S : **Jadi, akhir sekali soalan untuk seksyen ni, adakah ketika waktu Pandemik dahulu telah memberikan kesan terhadap kerjaya Encik Supian sendiri seperti di dalam dikir barat, penulisan lirik atau persembahan lain yang Encik selalu lakukan ?**

S.H.I : Kesan itu memang adalah sebab kita tak [tidak] keluar ke mana mana tak [tidak] boleh keluar. Tapi saya tak [tidak] mengaku kalah lah disitu Pada masa pandemik tulah [itu lah] saya keluarkan buku pada masa tu [itulah] lah keluarnya "Kaki Dikir" album saya yang tu [itu] saya usahakan juga. Pada masa yang sama sebab nak kerja pun kita orang lain tak [tidak] dapat nak datang kerja saya masa tu [itu] berada di IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] Tanah Merah berada dalam kuarters banyak masa yang saya dapat dan masa tulah [itulah] mungkin lagu lagu saya banyak yang terbengkalai ke apa ke

banyak kerja kerja yang berkaitan dengan benda ni [ini] saya buat lah. Jadi ruang masa tu [itu] saya guna sebaik mungkin lah masa pandemik tu [itu].

TAMAT BAHAGIAN 4

# BAHAGIAN 5: SUMBANGAN/PENCAPAIAN TOKOH

L.S : **Jadi untuk seksyen seterusnya sumbangan dan pencapaian. menurut pencapaian encik, Pada tahun berapakah encik menerima anugerah Aktivis Budaya Kelantan ?**

S.H.I : Okay [baiklah], saya menerima anugerah Aktivis Budaya Negeri Kelantan pada tahun 2006 lah.

L.S : **Boleh encik ceritakan bagaimanakah encik dapat menerima anugerah tersebut ?**

S.H.I : Okay [baiklah], anugerah tersebut diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan lah dibawah majlis Kebudayaan Negeri Kelantan yang mana kita diminta menghantar resume sebenarnya untuk apa aktiviti yang kita buat dalam sepanjang masa tu [itu] dalam sepanjang tempoh kita berkecimpung dalam Dikir Barat. Jadi saya hantar tu [itu] tak [tidak] mengharapkan apa apa pun sebenarnya sebab kita pun perkara ni [ini] benda tu [itu] bukan satu yang kita kejar pada masa tu [itu]. Main tu [itu] masa tu [itu] menambah khazanah lagu menambah pendapatan sedikit sebanyak untuk survive [bertahan] hidup kita dapat sedikit sebanyak pun okay [baik] lah masa tu [itu]. Tapi bila dapat pengiktirafan gini [sebegini] saya rasa saya amat (ketawa) berterima kasih sekali lah bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana pada masa tu [itu] saya pun tak lama sangat tahun 1990, 2006 tu [itu] tak lama lah sangat kira sampai sekarang ni [ini], ni [ini] baru lah rasa lama (ketawa). Masa tu [itu] rasa masih mentah

lagi dalam tu [itu] tapi dah dapat pengiktirafan jadi saya rasa sangat bagus dan saya rasa itu sebagai satu motivasi kepada saya lah.

L.S : **Boleh kami tahu lebih lanjut tentang anugerah Penggiat Budaya 2006 yang pernah dirangkul oleh Encik Supian ?**

S.H.I : Okay, anugerah ini diberikan kepada penggiat-penggiat lain juga yang dalam bidang sasteranya yang mana ramai lah masa tu [itu] Tuan Aziz Deraman, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, sahabat saya Mat jin and Doro juga dapat, ramai lagi lah dia punya kategori penulisan, drama, teater dan sebagainya. Jadi saya yang menulis untuk lagu lagu Dikir Barat ni [ini] salah seorang yang terpilih lah untuk anugerah tersebut. Jadi anugerah ni [ini] diberikan kepada semua penggiat-penggiat seni di Negeri Kelantan. Okay [baiklah].

L.S : **Menurut King's Of Dikir yang Encik pernah lancarkan dan mendapat sambutan, pada tahun berapakah Encik melancarkan album tersebut ?**

S.H.I : Saya lancarkan "King's of Dikir" pada tahun 2018 pada masa saya berada di Terengganu lagi saya keluarkan album "King's of Dikir". Sekian lama, dulu saya pernah menjadi penerbit kepada album orang lain di Syarikat Sincere Music dalam tahun 1991 sampai tahun 2007 sebelum saya berpindah ke Johor bekerja dengan syarikat lain lah diminta jadi penerbit buat lagu lah dan sebagainya dan ini album yang saya keluarkan sendiri, album yang pertama koleksi dan pada tahun 2018 tu [itu] saya keluarkan album kedua saya King's of Dikir lah sebagai comeback [kemunculan semula] balik saya dah berada di Pantai Timur balik masa tu [itu].

L.S : **Boleh encik kongsikan bagaimana penghasilan buku 'Lirikku Lukisan Jiwaku' ?**

S.H.I : Okay, buku "Lirikku Lukisan Jiwaku" ini ter-- apa ni dia punya-- macam mana nak cakap ni-- terlahirnya buku itu pada awalnya saya hanya merasakan saya perlu buat buku. Pastu [lepastu] nak jadikan buku bila saya bertugas di Institut Kemahiran Belia dan Negara Tanah Merah, ada suatu ruang untuk saya menulis, diminta menulis untuk bahan-bahan ilmiah. Jadi, kebetulan tidak ada yang nak menulis pada masa tu [itu] jadi saya diberi peranan untuk menulis lah. Jadi saya kata "saya nak tulis apa"? Saya bukan orang kemahiran, saya pergi bertugas sebagai Hal Ehwal Pelajar, saya kata ada satu kelapangan saja yang saya menulis akhirnya saya kumpul dalam lima puluh [50] lagu saya letakkan buku sebagai KPI [Key Performance Indicator] kepada IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] Tanah Merah masa tu [itu] asalnya. Apabila dah KPI [Key Performance Indicator], saya tengok benda tu [itu] di binding [ikat] (bunyi berdehem) dengan begitu rupa dan terselamatlah IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] daripada kosong KPI [Key Performance Indicator] tu [itu] kosong takda [tidak ada] tempat ruang menulis siapa nak tulis ilmiah , tentang jahitan pun takda [tidak ada] orang tulis tiba tiba eh ada orang KL [ Kuala Lumpur] kata "Macam mana IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] Tanah Merah boleh menulis perkara ini". Jadi, ini dianggap sesuatu yang ilmiah lah bila dia boleh dibawa ke perpustakaan dan sebagainya. Jadi dari situ, saya kata alangkah baiknya saya menambah lagi lagu-lagu yang saya simpan sekian lama untuk dijadikan buku secara komersial lah maksudnya di khalayak ramai lah untuk umum lah. Daripada situ lah, saya pun mula berbincang dengan bos saya dan saya juga mencari penerbit PDP, Pustaka Dewan Puisi dan Cikgu Leo masatu [masa itu] sanggup menjadi penerbit dan saya usahakan buku itu sehingga keluar pada, sehingga hari ini lah. Terlahirnya buku tu [itu] pada tahun 2021.

**L.S : (Video dan suara rakaman terhenti seketika kerana storan telefon penuh). Jadi seterusnya, Bagaimanakah encik melancarkan proses menyiapkan**

**buku tersebut ? Adakah encik bekerjasama dengan mana-mana pihak yang mempunyai minat yang sama seperti Encik Supian ?**

S.H.I : Ya, [bunyi berdehem] saya menyiapkan buku tersebutlah. Antara prosesnya seperti yang saya katakan tadilah, saya pergi jumpa dengan penerbitlah Cikgu Leo di PDP [Pustaka Dewan Puisi] yang sanggup menerbitkan buku saya dan saya berbincang dengan rakan rakan penulis saya di Pesisir dan juga di – Persatuan Penulis Kelantan macam mana saya nak hasilkan buku itu yang dibantulah dari segi – rakan rakan saya yang lain untuk buat grafik dan sebagainyalah siapkan gambar dan juga dia punya apa kata kata aluan dan sebagainya lah dan saya juga – buku tersebut terima kasih banyaklah sebab Kerajaan negeri banyak bantu lah dengan Kerajaan negeri bawah Exco Kebudayaan dengan Exco Pelajaran membantu saya dari segi kos menerbitkan buku tersebutlah. Jadi saya [bunyi berdehem] takda [tidak adalah] buat apa-apa saya cuma buat manuskrip , saya mohon dengan diorang [mereka] untuk bantu saya dari segi kos cetak dan semua sekali. Alhamdulillah apa yang saya nak semua jadi. Dan takda [tidak adalah] yang susah sangat pun saya bergolok bergadai takda [tiada adalah] saya rasa sangat sangat berterima kasih lah kepada yang sangat membantu, bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana permudah urusan. Album saya dah buat, buku saya dah buat maksudnya mudah dalam masa yang sama taklah [tidaklah] semudah yang kita cakap mudah tetapi akhirnya dia keluarkan dia punya apa produk itu , perkara yang kita nak tu [itu] akhirnya lahir juga.

L.S : **Jadi, bolehkah kami tahu apakah maksud tajuk yang tersirat pada buku 'Lirikku Lukisan Jiwaku ini ?**

S.H.I : Okay [baiklah], perkara yang tersirat-- Saya ada beberapa nama sebenarnya sebelum keluarkan dia punya tajuk "Lirikku Lukisan Jiwaku" ini, ianya sebenarnya bertolak di dalam hati dan jiwa kita, yang kita keluarkan tu [itu]

lahir daripada ilham kita seolah-olah satu lukisan kepada bait-bait ayat semua sekali lah.

L.S : **Dan pada tahun berapakah buku 'Lirikku Lukisan Jiwaku' diterbitkan ?**

S.H.I : Buku ini diterbitkan pada tahun 2021 lah semasa tu Covid sedang rancak berlaku masa tu [itu].

L.S : **Pada tahun berapakah encik melancarkan penjualan buku "Lirikku Lukisan Jiwaku" dan album dikir barat "Kaki Dikir" kepada peminat dikir barat ?**

S.H.I : Sama, pada tahun yang sama juga tahun 2021 juga sekali. Saya keluarkan sekali.

L.S : **Semasa buku sulung encik Lirikku Lukisan Jiwaku dan bersama Album "Kaki Dikir" yang memuatkan lagu dikir barat sedang dipasarkan, bagaimanakah sambutan dan hasil jualan buku dan cd encik ?**

S.H.I : Okay [baiklah], Alhamdulillah sambutan sangat baik sebab orang lain tak [tidak] buat apa masa tu [itu] (ketawa) takda [tidak ada] benda baru, semua orang nak benda baru dalam dunia kita ni [ini] asal benda baru orang akan serbu lah masa tu [itu]. Jadi kita pun tunggu port [masa] yang baik masa tu [itu], masa yang tepat lah maksudnya musim yang kena sebab orang tercari-cari bahan yang baru. Jadi, kita keluar tu [itu], bagi saya sesuatu yang amat baik dan memuaskan hati saya lah sepanjang karier saya dalam bidang seni.

L.S : **Adakah dengan sambutan yang Encik perolehi ini dapat memberikan lagi semangat tambahan kepada Encik untuk teruskan berkarya dalam bidang penulisan lirik?**

S.H.I : Ya, sudah tentulah. Perkara itu menaikkan lagi semangat saya untuk terus berada dalam industri ini sehingga sampai sekarang ni [ini] lah. Jadi, dia hanya orang kata bahan tambah menambahkan lagi rasa asam garam dalam dunia kitalah.

L.S : **Ada Encik bercadang untuk menerbitkan lagi buku tentang Dikir Barat ini?**

S.H.I : Buku Dikir Barat saya ada bercadang untuk buat buku tokoh-tokoh, perkenalkan tokoh-tokoh Dikir Barat tapi saya ada lagi buku yang saya nak buat iaitu saya sedang kumpulkan juga untuk Antologi puisi saya dan untuk Antologi pantun saya. Saya ada nak buat buku lainlah sebab bila dah sekali buat buku ni [ini] macam tak [tidak] kesudahan pulak dia punya angan-angan cita-cita tu [senyum] terasa pulak minat orang kata apa nak buat, nak buat, nak buat sebab apa, sekali dah keluar orang kata "Eh pergi mana dia tu" ( ketawa) , jadi bahan tu [itu] harini mungkin puisi yang baik esoknya ada pantun yang baik, lusanya mungkin ada lirik yang baik. Jadi, mungkin tiga perkara tu [itu] ataupun tentang kajian tentang tokoh lama dah saya nak buat, mungkin kita oleh buat tu [itu] sebagai orang kata buku bahan sejarah kita lah okay [baik].

L.S : **Bagaimana encik mempromosikan buku dan bersama album Kaki Dikir ?**

S.H.I : Saya banyak buat dalam FB [Facebook], saya banyak buat dalam YouTube, saya banyak buat dalam Live [siaran langsung], pada masa tu [itu] kan tak [tidak] boleh gerak. Jadi saya melalui ruang itulah dan melalui sahabat-sahabat, group-group [kumpulan-kumpulan] WhatsApp dan sebagainya lah kebanyakkannya begitu lah.

L.S : **Bagaimana pula dengan proses tempahan daripada pelanggan yang ingin membeli buku Encik lakukan sendiri atau mempunyai pekerja lain ?**

S.H.I : Takda [tiada]. Saya memang buat sendiri lah. Sebab benda tu [itu] tak [tidak] sampai, tak [tidak] sampai orang kata tak [tidak] mene [menang] tange [tangan] orang Kelantan kato [kata]. Dia bagi saya hanya biasa saja. Kalau kata lima biji sehari buku nak pos, masih ada kesempatan lah, tak [tidak] sampai lah kata-- tak [tidak] sempat nak buat, masih sempat nak urus sendiri setakat ni [ini].

L.S : **Jadi, bagimana untuk Penganugerahan Adiguru CENDANA pulak boleh encik ceritakan kepada kami secara lebih terperinci ?**

S.H.I : Okay [baiklah], ini adalah-- Adiguru Cendana adalah tahap yang paling tinggi lah saya pernah dapat-- [bunyi berdehem]. Satu anugerah yang saya pernah dapat di peringkat Nasional atau di peringkat Negara lah saya dapat ini--. Pada awalnya saya diminta untuk mencalonkan diri saya sendiri oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan lah yang minta saya masuk ataupun mengisi satu kertas macam resume gitu [begitu] juga dan saya pun tak [tidak] menjangka bahawasanya tak [tidak] ramai apa ni [ini]-- saya seorang sahaja yang diluluskan untuk program Adiguru ini untuk peringkat Malaysia lah. Dan dia diletakkan di bawah masatu [masa itu] Program Pemulih, kan penggiat seni kena Covid, musim Covid, jadi dia dibawah Program Pemulih dan diletakkan satu agensi yang menjaganya dinamakan Cendana, Adiguru Cendana dan diselia oleh PUSAKA satu badan NGO [Non-Govermental Organization] yang menjaga hal-hal kesenian. Jadi, saya pun rasa bersyukur, dan ini untuk projek tahun 2022 lah, jadi saya dapat anugerah tu [itu]. Kira, dah dapat Adiguru ni [ini] apa lagi yang saya nak (ketawa) ketika itu, apa lagi saya nak saya dah sampai ke sini, anugerah saya dah dapat, Adiguru pun saya dah dapat.

L.S : **Menurut kajian kami, Encik pernah menjadi hakim bagi pertandingan dikir barat Festival Bahasa dan Sastera peringkat negeri Kelantan 2023. Boleh encik ceritakan kepada kami pengalaman encik sebagai juri ?**

S.H.I : Oh, kalau untuk yang ini DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] memang sebab saya dah ada buku dengan dia, buku saya DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] dah beli apa semua sekali, saya pun selalu ke DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] jadi saya ni [ini] salah seorang pengadil dibawah Dewan Bahasa dan Pustaka lah kalau ada pertandingan. Dan sekian lama takda [tidak ada] pertandingan sebenarnya sebab Covid datang sebagainya, julung-julung kalinya, pertandingan ini diadakan sempena apani Karnival Bahasa ye [ya], projek ni bergabung dengan Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dan saya terpilih semula jadi pengadil setelah sekian lama saya tidak menjadi pengadil atau hakim Dikir Barat lah. Saya jadi hakim Dikir Barat ni [ini] agak juga lama lah.

L.S : **Selain menjadi hakim bagi Pertandingan Dikir barat Festival Bahasa dan Sastera tadi, adakah Encik pernah menjadi hakim bagi pertandingan lain atau majlis lain sepanjang penglibatan Encik di dalam dunia seni ?**

S.H.I : Okay [baiklah], saya bermula dalam tahun lebih kurang tahun 2001 jugalah. Menjadi-- mulai menjadi hakim Dikir Barat ni [ini] Dikir Barat anjuran Perlancongan Negeri Kelantan, sekolah, Jabatan Kesihatan, Jabatan Penerangan, RTM [Radio Televisyen Malaysia] dan banyak lagilah sebenarnya festival-festival kebudayaan di negeri Kelantan lah ataupun di Kuala Lumpur dan sebagainya lah. Saya banyak terlibat sebagai hakim lah. Apabila saya dah banyak buat lagu, mungkin orang (ketawa) panggil lah kot [barangkali] sebab saya biasa menjadi hakim untuk menjaga di bahagian tema dan lirik lagu lah biasanya di situ sesuai dengan kemampuan saya lah.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

# BAHAGIAN 6: CABARAN YANG DIHADAPI OLEH TOKOH

L.S : **(Video dan suara rakaman terhenti seketika) Kita teruskan dengan seksyen seterusnya iaitu cabaran. Seperti sedia maklum, cabaran utama yang sering dilalui sebagai anak seni ialah kebanyakan harus mengimbangi masa, semasa encik masih bekerja sebagai pegawai Belia dan Sukan bagaimanakah pulak encik mengatasi masalah mengimbangi masa antara kerjaya sepenuh ni dan dikir barat ?**

S.H.I : Okay [baiklah], mudah je [sahaja] sebenarnya. Time [masa] kerja kita kerjalah (ketawa), time kita fokus kepada kesenian dikir barat tu [itu] masatu lah, kadang kadang ada kerja tengahari , kadang kadang dikir barat ni [ini] ada malam , kadang kadang hari minggu. Begini macam contoh sekarang temu bual ni [ini] diadakan pada hari minggu kan ? Takda kena apani [apa ini] sampai kita cuti semua sekali lah. Ada juga tempoh harilah macam Dewan Bahasa ni [ini] dia nakkan kita dia tulis surat lah dia ajukan kepada majikan kita, majikan kita lepas kita turun lah buat kerja ha sebab dia juga satu elemen kepada masyarakat bila apa nama ni [ini] G to G dia panggil , Government to Government [Kerajaan kepada Kerajaan] biasanya lah. Kalau masyarakat begini perlu kita tengok masa kita sendiri, kalau orang kata time [masa] kerja memang kita tak [tidak] boleh , tak [tidak] boleh lah ada kerja hakiki yang lebih utama kita perlu fokus lah. Kalau bayarannya sampai RM30 000 pun tapi kerja kita tak [tidak] selesai tak [tidak] bagus juga okay.

L.S : **Jadi, apakah cabaran yang sering encik hadapi untuk menghasilkan lirik dan lagu baru yang bagus dan memberi impak kepada pendengar ?**

S.H.I : Cabaran-- (sedang berfikir) bagi saya cabaran menghasilkan lirik takda [tidak ada] lah cabaran. Kalau kita tulis lirik bagi kepada penyanyi yang tak [tidak] berapa sedap didengar memang tak [tidak] jadilah walaupun apa mesej yang kita nak sampaikan, ia kena sesuai kombinasi yang baik itulah yang saya katakan pada jawapan dahulu lirik lagu baru untuk bagi impak yang baik kena orang yang bawa tu [itu] juga, memberi sesuatu persembahan yang terbaik. Kalau kita buat tema yang biasa-biasa tetapi diangkat dengan baik dia akan jadi sampai million [juta] pun orang-- jumlahnya berbilion bilion pun orang dengar atau bertahun-tahun pun orang dengar lagu tu [itu] tetapi kalau dibawa dengan suara yang sumbang, tak [tidak] masuk lari dia punya key [kunci] dia apa semua jadi dia punya lagu tu [itu] pun takkan [tidak akan] pergi ke-- dia punya lirik sendiri tu [itu] pun akan jatuhlah, maksudnya takkan [tidak akan] naiklah tak [tidak] memberi apa-apa impak atau effect [kesan] kepada masyarakat lah.

L.S : **Pernahkah encik hadapi permasalahan semasa penubuhan kumpulan dikir barat ?**

S.H.I : Penubuhan kumpulan-- menubuhkan kumpulan Dikir Barat saya tak [tidak] banyak menubuhkan sebenarnya saya banyak pergi mengajar yang orang dah tubuhkan. Dan mungkin nak tubuhkan tu [itu] adalah sedikit kot [barangkali], cabaran nak cari yang berminat yang serasi, yang betul-betul nak join [sertai] dan sebagainya mungkin jugalah. Saya tak-- saya jarang, saya jarang menubuhkan, pada asal mula mula dulu [dahulu] memang dah complete [cukup] (ketawa) semua yang minat saja [Sahaja] datang, yang tak [tidak] berminat memang tak [tidak] datang lah. Yang sekarang ni saya tak [tidak] banyak kumpulan-- banyak kumpulan panggil saya dia dah ada kumpulan dia panggil saya gitu [begitu], Kumpulan tu [itu] ditubuhkan sendiri lah. Jadi cabaran tu [itu] takda [tidak ada] sangat lah belah [pada] saya.

**L.S** : **Adakah Encik mempunyai cabaran ataupun masalah dari bentuk kewangan ketika hendak menerbitkan buku ?**

**S.H.I** : Okay [baiklah], saya takda [tidak ada] masalah kewangan semasa menerbitkan buku sebab segala kewangan dibiayai oleh pihak Kerajaan negeri lah. Jadi saya tak [tidak] sampai ke tahap tu [itu] lah. Apa yang saya nak buat tu [itu] cuma bahan jelah, kalau ada bahan semua orang nak masalahnya nak mengadakan bahan tu [itu] tanpa modal sebenarnya bahan tu [itu] (ketawa) bahan tu [itu] datang daripada kepala kita sendiri kan dan tangan kita yang nak menulis.

**L.S** : **Jadi, bagaimanakah Encik membahagikan masa antara bersama keluarga dengan kerjaya yang Encik minati ini ?**

**S.H.I** : Saya guna konsep santai bersama keluarga. Jadi keluarga tahu apa yang saya buat. Saya ajak bersama-sama malam pertunjukkan, malam anugerah, malam apa semua family saya tahu. Kalau TV [televisyen] tunjuk dekat TV [televisyen] dia tunggu dia tahu. Bawa anak saya dua tu [itu] yang pandai main tu [itu] dia tahu menilai apa itu sebenarnya perjuangan saya dalam seni budaya itu sendiri. Jadi, family [keluarga] sangat-sangat menyokong dan tiada halangan apa-apa diorang [mereka] faham saya gitu [begitu]. Kalau saya nak cerita, cerita belakang lah apa yang saya dapat anugerah, apa yang saya bagi pada wife [isteri] saya semua sekali. Jadi bagi saya, keluarga adalah apa penyokong kuat sumber kekuatan, orang lain tak [tidak] tahulah dan saya tak [tidak] tahulah orang lain di luar, tetapi family [keluarga] saya sangat membantu dari segala sudutlah.

**TAMAT BAHAGIAN 6**

# BAHAGIAN 7: HARAPAN/PENDAPAT TOKOH

**L.S** : **Okay [baiklah], kita dekat seksyen yang terakhir dah [sudah] iaitu harapan dan pendapat Encik, jadi apakah harapan Encik terhadap masa depan persembahan dikir barat ni [ini]?**

**S.H.I** : Okay [baiklah], yang pertama kekal yang kedua baik yang ketiga tambah baik kualiti. Senang je.

**L.S** : **Apakah pendapat Encik tentang perbezaan dikir barat zaman dahulu dan kini ?**

**S.H.I** : Sekarang lebih murni, kalau dulu dia keluar orang kata entah apa-apa mesej yang nak disampaikan dulu mungkin mesej hanya untuk peribadi sahaja tak sampai ke mana untuk berhibur-hibur tetapi sekarang lagu-lagu sekarang ini banyak bertema masyarakat, menolak gejala sosial dan sebagainya lagu-lagu itu lagu bagi saya itulah yang patut ada mengikut zaman ini dan tidak mengajak pendengar ke arah negatif lah maksudnya asalkan perkara tu [itu]--perubahan tu [itu] semestinya ke arah lebih positif.

**L.S** : **Bagaimanakah cara untuk memastikan dikir barat ini sentiasa diingati dan tidak ditelan zaman ?**

**S.H.I** : Okay [baiklah], kekalkan keaslian, jangan campur kan dengan unsur-unsur yang lain. Maksudnya kalau nak Dikir Barat, Dikir Barat lah jangan dicampur dengan elemen muzik, kontemporari lain sebagainya lah alat-alat gendangan yang lain yang tidak sesuai. Jadi jangan rosakkkan keaslian itu. Maka ia akan terjaga sampai tempoh masa yang lama lah.

**L.S** : **Apakah peranan anak muda yang perlu dititikberatkan untuk mengekalkan warisan dikir barat ini ?**

S.H.I : Perlu dilatih, perlu disokong, perlu diangkat, perlu dibuat sesuatu seperti pertandingan dan sebagainya. Sentiasa ada yang badan badan agensi-agensi yang ingin menyuburkan kesenian ini. Dia boleh bertahan lama dan boleh kekal sebagai warisan tu [itu]. Dan jabatan-jabatan yang berkaitan pun seharusnya memainkan peranan yang penting lah dalam ini lah. Kerajaan lah maksud saya pun perlu terlibat sama untuk kekalkan warisan budaya bangsa ini [bunyi berdehem].

L.S : **Apakah pendapat encik terhadap penerimaan seni dikir barat ini bagi anak-anak muda sekarang ?**

S.H.I : Dia baik, dia sangat baik dan sangat diminati. Masih lagi wujud Kumpulan-kumpulan anak muda yang menubuhkan pasukan Dikir Barat di serata negerilah terutamanya saya fokus di Negeri Kelantan lah dan dia juga pun telah menjalar keluar tetapi anak Kelantan yang berada di KL [Kuala Lumpur] ingat tak [tidak] ingat saya dalam lebih kurang dua puluh [20], tiga puluh [30] pasukan juga berada di Lembah Klang. Di negeri lain tu [itu] ada sebab pernah kita buat pertandingan kat [dekat] peringkat Malaysia masa tu [itu] dibawah belia sampai ke Sabah pun ada masuk, negeri Sabah pun pernah jadi johan dan [bunyi berdehem] keluar negara seperti Singapura, Brunei dan juga telah menubuhkan group Dikir Barat ni [ini].

L.S : **Seterusnya apakah harapan Encik di dalam seni dikir barat ni atau penulisan yang masih belum dicapai ?**

S.H.I : Kalau tanya pencapaian saya belum dapat pingat dari Istana. Saya belum dapat itu je [sahaja] saya belum dapat. Yang lain tu [itu] saya dah dapat lah makna pengiktirafan itu bukan saya kata saya tak [tidak] tunggu saya tunggu tapi mungkin masanya belum sampailah. Itulah yang masih belum lagi saya maknanya di tahap tertinggi orang dapat pingat bakti ke pingat jasa ke apa saya tak [tidak] tahu lah tapi belum ada peluang untuk menghadap Sultan dan

sebagainya untuk mendapat apa-apa pengiktirafan daripada Istanalah maksudnya gitu [begitu] kalau ditanya dari segi masih belum tu [itu] (ketawa) masih belum dicapai.

L.S : **Jadi, adakah Encik berharap bahawa anak anak Encik juga meneruskan warisan dikir barat ini dengan kemahiran penulisan lirik seperti Encik ?**

S.H.I : Harapan tu [itu] ada tetapi terpulang kepada diorang [mereka] lah sebab benda ni [ini] bukan senang kalau tak [tidak] pernah berada di dalam industri ataupun di tempat itu susah. Sekarang ni [ini] kalau hari ini tiba-tiba nak menulis mungkin tak [tidak] jadilah. Orang lain yang dalam dua puluh [20], tiga puluh [30] tahun dulu pun nak buat satu lirik pun susah. Tak [tidak] semua penyanyi, tak [tidak] semua saya katakan ada, tetapi percent [peratus] nya terlalu kecil penyanyi yang boleh menulis untuk lagu-lagu yang nak dinyanyikan. Dia sendiri nak nyanyikan pun terpaksa mencari. Itu perkara yang saya jumpa dalam pencarian saya mula mula saya menceburkan diri dalam bidang penulisan rupanya orang berdikir ni [ini] suara sedap tetapi tak [tidak] boleh menulis taktahu [tidak tahu] apa yang dia nak bawa, dia nak sebut, dia nak kata. Jadikan lirik tu [itu] ditulis orang lain rupanya. Saya pernah tanya yang berdikir, "You [awak] berapa lagu you [awak] pernah tulis untuk you [awak] nyanyi sendiri?" dia cakap "Eh saya tak boleh" Jadi sebab tulah [itulah] keuntungan tu [itu] dapat kepada saya sebab saya bukan saya kata takda [tiada] lagu lain yang orang lain tulis, ada tapi dia punya peratusan tu [itu] terlalu sedikit lah. Jadi saya senang je [sahaja] bagi jawapan you [awak] ada seratus [100] saya ada seratus [100] gitu [begitu] je [sahaja]. Kalau you [awak] ada satu, saya ada seratus [100] (bunyi notifikasi telefon bimbit) jadi kita kena selalu berada di pihak yang selalu menang atau pihak yang ataslah yang lebih kedepan, kedepan itulah amalan saya punya gerak kerja atau aktiviti saya sebab saya tak [tidak] mengamalkan masa saya orang kata membuang masa, termenung dan sebagainya. Masa termenung saya habiskan masa di ruang untuk saya menulis dan saya takda [tidak ada] ruang, kalau di pejabat saya

takda [tiada] kerja sangat saya cari juga apa saja point apa saja tajuk yang saya dah prepare tajuk sebenarnya daripada saya dah ada tajuk, kalau orang tanya saya "Berapa tajuk dah ada yang belum tulis?" saya kata saya ada "Saya ada dalam dua ratus [200], tiga ratus [300] tajuk yang saya belum tulis , jadi you [awak] nak tajuk apa?" Jadi kita dah prepare [bersedia] awal. Benda ni [ini] jarang saya bagitahu pada orang lain lah pada temubual temubual lain tentang rahsia kenapa saya boleh menulis, sebab saya benda tu [itu] dah jadi macam [bunyi petik jari] petik jari je [Sahaja] , you minta ke you [awak] tak minta ke dah memang tulis dah bait-bait pantun , bait-bait cerita lagu saya tulis. Tengok orang marah, cerita orang marah apa ni [ini] bekeng [marah] orang Kelantan kata apa ni [ini] bahasa Malaysia naranglah naik darah, saya boleh tulis. Dari tema tu [itu] pun kita dah boleh tulis orang ni [ini] begini begini tanpa usul periksa macam-macam dan kita boleh jadikan satu lagu contohlah saya bagitahu sebab nak menjadi seorang penulis tu [itu] perlu kepada pengamatan, perlu kepada penceritaan yang rapi lah sebab Dikir Barat adalah pantun. Itulah kod Dikir Barat adalah berpantun, ritmanya adalah macam ritma pantun. Ianya berbeza adakah ianya ritma tiga atau ritma dua, empat kan, satu dua tiga empat, satu dua tiga empat lima enam jadi kita kena sedia kena faham kehendak lagu tu [itu] nak ritma macam mana kan okay [baik].

**L.S : Okay, jadi adakah Encik-- ini soalan terakhir eh, adakah Encik mempunyai harapan atau impian yang belum dipenuhi ? Jika ya, apakah impian tersebut ?**

S.H.I : Saya impian saya, saya nak buat bengkel penulisan Dikir Barat, satu bengkel yang belum saya buat lagi setakat ni [ini] saya nak buat sendiri nak bimbing sendiri orang lain supaya boleh menulis okay. Saya nak kalau boleh kalau tanya saya, jawapan saya saya nak ke Istana Budaya. Saya nak bawa group [Kumpulan] saya yang bagus dan cemerlang tu [itu] ke Istana Budaya dan saya nak popular ke luar negara. Itu yang saya masih belum dapat buat. Saya pernah ke luar negara, tapi Thailand lah, Thailand tu [itu] dia dekat lah dengan kita

kan, budaya tu [itu] pun dibawa masuk ke sini jadi takdelah [tidak adalah] nampak oh ini benda baru. Tapi contohnya sekarang ni [ini] ada geng [Kumpulan] Makyong kumpulan kumpulan Makyong sekitar ni pergi ke Perancis sekarang ni [ini] yang sama Adiguru dengan saya, saya Adiguru Dikir Barat, macam Pok Suwage, Pok Ju di Bachok sekarang ni [ini] berada di Paris, saya terkial-kial disini saya tak [tidak] pergi, siapa nak bawa saya? Itu cita-cita saya kalau awak tanya saya soalan terakhir itu saya menunggu nak jawab perkara tu [itu] dan saya pernah berunding dengan Dewan Bahasa sendiri supaya dipanggil. Kalau saya sendiri yang panggil diorang [mereka] ni [ini] mungkin tak [tidak] datang lah mungkin nak buat apa pergi rumah dia nak belajar tapi kalau Agensi yang panggil, dia lain cerita. Kita begini orang kata contohnya kalau UiTM [Universiti Teknologi Mara] team [pasukan] awak yang panggil, pelajar pelajar tu [itu] dikenakanlah caj sikit dua puluh ringgit [20] untuk makan ke apa jadi kita pergi lah buat kelas gitu [begitu]. Itu yang saya masih belum capai lagilah. Saya ada join [sertai] orang kata apa cakap dengan USM [Universiti Sains Malaysia] ni [ini] di Kolej Jururawat dia kan, di bawah kokurikulum dia tu [itu] nak panggil saya lah berunding sebab dia punya dewan tu [itu] alat ada semua ada, tapi takda [tiada] isi , takda [tiada] pengisian jadi dia nak buat semacam satu kelas Dikir Barat macam dia tengok saya duk [tengah] mengajar dekat IKBN [Institut Kemahiran Belia Negara] masa tu [itu] takpalah [tidak apalah] saya belum bertukar ke Pejabat Belia Sukan dan Daerah , saya duduk disitu rumah saya dalam tu [itu] tempat situ dia punya dewannya kat [dekat] situ pelajarnya duduk dekat situ tetapi kalau kita nak mengutip itula awak kata tadi cabaran tu [itu], cabarannya boleh tak belia ni [ini] nak kumpul satu tempat setiap malam berjadual contohnya kan kita nak turun dekat situlah cabarannya. Tapi tak [tidak] bagi saya lah sebab kumpulan tu saya tak [tidak] jaga saya pergi sebagai tenaga pengajar. Jadi sebagai terakhirlah saya bagitahu itulah antara benda yang saya nak kena buat lah.

**TAMAT BAHAGIAN 7**

**Penutup: [rakam selepas temubual]**

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman dan sumbangan Encik Supian Hassan di Tanah Merah, Kelantan sepanjang berkhidmat sebagai Penyanyi Dikir Barat dan Penulis Buku dari 1 tahun 1990 hinggalah sekarang 2023. Kami mengucapkan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam seni dikir barat dan penulisan para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

# RUJUKAN

Amin, M. M. (2021, June 5). *Supian Hanuman Ikan hasil "Lirikku Lukisan Jiwaku" untuk tatapan generasi baru*. MalaysiaGazette. https://malaysiagazette.com/2021/06/05/supian-hanuman-ikan-hasil-lirikku-lukisan-jiwaku-untuk-tatapan-generasi-baru/

Azlan, N. (2022, December 20). Adiguru CENDANA: Supian Hassan - BASKL. *BASKL - Bandar Aktiviti Seni Kuala Lumpur*. https://baskl.com.my/adiguru-cendana-supian-hassan/

*Supian Hanuman penulis lirik dikir barat*. (2008, April 16). BLOG SHARIMI MUHAMAD. https://sharimi.wordpress.com/2008/04/16/supian-hanuman-penulis-lirik-dikir-barat/

# LAMPIRAN

# LOG WAWANCARA

Berikut merupakan sesi temubual yang dibuat oleh Lis Safiah dan Yasmin bersama Encik Supian bin Hassan, yang dilahirkan pada 19 November 1966 di Tumpat, Kelantan. Temubual dijalankan di rumah beliau yang terletak di Tanah Merah, Kelantan mengenai pengalaman dan kerjaya beliau sebagai seorang penulis lirik dan buku serta seorang pendikir barat sejak tahun 1990 sehingga sekarang iaitu 2023.

| MASA | SUBJEK | NAMA/TEMPAT /RUJUKAN |
|---|---|---|
| **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH** | | |
| 1:38 | Menceritakan tentang biodata beliau. | Supian bin Hassan<br><br>Nama panggilan, Abang Pian<br><br>Nama Supian Hanuman Ikan diberi disebabkan pernah bekerja sebagai staff di LKIM (Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia). Jadi, beliau menggunakan nama Maju Ikan di belakang nama beliau iaitu Supian.<br><br>Sifu Encik Supian iaitu Allahyarham Wow Bulan juga menggubah nama tersebut berdasarkan watak seorang Hanuman dan ikan yang berada di dalam elemen wayang kulit.<br><br>Hanuman ialah seorang yang memegang watak sebagai seorang panglima perang.\ |

| | | |
|---|---|---|
| 3:14 | Menceritakan mengenai tarikh lahir, tempat lahir dan bilangan adik-beradik. | 2 November 1966<br><br>Dilahirkan di Tumpat, Kelantan dan dibesarkan di tempat yang sama.<br><br>Mempunyai tiga orang adik-beradik dan kesemuanya adalah lelaki.<br><br>Encik Supian merupakan anak sulung.<br><br>Tidak mempunyai adik beradik perempuan |
| 3:52 | Bercerita tentang cita-cita beliau sewaktu kecil. | Beliau seronok tengok orang menjadi juruhebah, DJ<br><br>Mula-mula dulu, kalau tulis dalam buku rekod tu beliau nak jadi pengacara, juruhebah yang keluar dalam radio, TV |
| 4:20 | Menerangkan tentang tempat beliau menetap sebelum ini dan sekarang. | Pernah berhijrah ke Johor, di daerah Muar pada 2007 hingga 2013<br><br>Pada 2013 hingga 2019 beliau berada di Terengganu<br><br>Pada 2019 juga telah pulang ke Kelantan |

| | | |
|---|---|---|
| | | Sebelum ini, banyak berada di luar atas dasar tugasan kerja hakiki beliau dan kini sepenuhnya berada di Kelantan. |
| 5:05 | Menjawab soalan tentang pasangan, bilangan anak dan tahun perkahwinan bersama pasangan. | (Ketawa ketika menjawab soalan)<br><br>Berkahwin pada tahun 1990<br>Mempunyai 6 orang anak, tiga lelaki dan tiga perempuan |
| 5:28 | Memberitahu tentang keberadaan anak-anak beliau sama ada masih menetap sekali ataupun telah berpindah menetap di luar. | Anak saya lima dah menetap di luar dan hanya seorang saja, yang bongsu tinggal bersama.<br><br>Contohnya, menetap di Kuala Lumpur, Terenggau dan satu di Kelantan tetapi bukan di rumah saya. |
| 6:00 | Menjawab soalan tentang nama penuh anak-anak beliau. | Nama yang sulung ialah Siti Norshuhada, yang kedua Ahmad Muammar, Ketiga Siti Norshafinie, yang keempat Muhamad Ziyad, yang kelima Siti Nurshamila dan yang keenam Nurkhalid Rifqi. |
| 6:18 | Menceritakan tentang hobi kegemaran di waktu lapang. | Hobi sebenarnya ialah suka rekreasi.<br><br>Suka aktiviti mendaki, dekat sini ada Bukit Panau, kadang-kadang Bukit Keluang<br><br>Mengajak anak-anak ke tempat-tempat menarik seperti peranginan |

| | | |
|---|---|---|
| | | Kalau jeram, jeram Lenang, jeram Pasu, saya suka tempat-tempat sebegitu. |
| 7:05 | Menceritakan tentang motto dan prinsip hidup serta tentang ibu bapa beliau. | Beliau berkata, selagi ada usaha disitu ada kejayaan, kalau kita nak sesuatu mesti kena usaha lebih sedikit.<br><br>Ayah beliau masih ada di daerah Tumpat manakala emak beliau sudah tiada sejak tahun 2010 lagi. |
| **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN** | | |
| 7:45 | Menjawab soalan tentang adakah pendidkan penting di dalam keluarga beliau ? | Pendidikan sangat penting di dalam keluarga.<br><br>Beliau menunjukkan gambar graduasi anak anak beliau untuk mengukuhkan lagi kenyataan tersebut.<br><br>Supaya dia menjadi motivasi kepada yang lain.<br><br>Beliau berkata beliau bukan orang jenis memaksa belajar, tetapi memberi fokus kepada sesuatu perkara.<br><br>Disebabkan beliau seorang penulis, beliau menunjukkan |

| | | |
|---|---|---|
| | | contoh kepada anak-anak tentang pentingnya buku-buku.<br><br>Beliau menekankan bahawa pendidikan sangat penting. |
| 8:34 | Menceritakan tentang dimanakah beliau menerima pendidikan di sekolah , dan pada tahun berapa beliau mendapat pendidikan. | Beliau bersekolah di Sekolah Kebangsaan Tumpat pada tahun 1973 pada darjah satu.<br><br>Tiada pendidikan awal kanak-kanak pada masa itu.<br><br>Terus ke sekolah menengah pada tahun 1979 di Sekolah Menengah Datuk Titiwangsa<br><br>Sekolah Menengah Tumpat 1982 dan selepas habis tingkatan lima saya terus ke ILP (Institut Latihan Perindustrian) |
| 9:26 | Menjawab soalan berkaitan guru kegemaran dan sebab kenapa guru tersebut menjadi kegemaran beliau. | Dua cikgu yang menjadi kegermaran beliau iaitu Cikgu Sufian Adam nama dia sama dengan beliau,<br><br>Yang mengajar sains dan cikgu Daud Muhammad yang masa itu mengajar Bahasa Malaysia lah.<br><br>Beliau berkata kedua-dua orang cikgu ini mudah didekati karakternya dan boleh rapat. |

| | | |
|---|---|---|
| 10:10 | Menceritakan tentang subjek kegemaran. | Beliau berkata bahawa beliau suka subjek BM [Bahasa Melayu] dan Sejarah. |
| 10:22 | Menceritakan tentang suasana zaman persekolahan beliau dan kemudahan yang ada pada ketika itu. | Peringkat awal tidak sama dengan sekarang.<br><br>Yang saya ingat tiada elektrik lah, pakai pelita sahaja dan buku kena beli dahulu.<br><br>Kita pakai buku teks yang nak belajar tu kena beli ataupun tengok, minta pada abang-abang kita yang lain lah, sedara-sedara mara kita.<br><br>Yang lain minta transfer pada kita buku kalau kita darjah satu, dia dah darjah tiga, ambik balik buku dia tu.<br><br>Kemudahan di sekolah pun tidak sama macam sekarang lah. Dulu mungkin berdebu, kita pakai kasut getah dan macam-macam lah. Sekarang tak nampak lagi dah benda-benda begitu. |
| 11:13 | Menceritakan tentang sebarang pertandingan yang berkenaan dengan muzik di peringkat sekolah yang mungkin disertai oleh beliau dan pernahkah beliau menjuarai sebarang | Saya tiada.<br><br>Pada zaman sekolah saya hanya join satu pasukan dikir barat sekolah sempena sambutan hari guru gitu-gitu sahaja. |

| | | |
|---|---|---|
| | pingat yang berkaitan dengan muzik atau pingat-pingat lain. | Di zaman persekolahan saya minat tu ada, tapi saya tiada apa-apa pertandingan, tiada peluang lah masa itu. Pertandingan masa itu tak diadakan. |
| 11:46 | Menceritakan tentang melanjutkan ke peringkat seterusnya selepas peringkat menengah dan kursus yang diambil di ILP (Institut Latihan Perindustrian). | Beliau melanjutkan pengajian di ILP Prai, Pulau Pinang.<br><br>Di ILP, Beliau mengambil jurusan Mekanik Kenderaan Motor.<br><br>Setakat belajar sahaja, tidak membuka bengkel. |
| 12:10 | Menjawab soalan tentang kenangan manis yang paling ingat ketika peringkat sekolah. | Kenangan manis di sekolah apabila saya banyak terlibat dengan aktiviti kokurikulum terutamanya olahraga, dalam bola speak, bola tampar.<br><br>Saya juga adalah ahli dalam ahli kadet polis masa disekolah dulu<br>Itu antara kenangan-kenangan manis saya lah semasa saya belajar. |
| 12:45 | Menjawab soalan tentang pernahkah beliau mengambil sebarang kursus yang berkaitan dengan bidang penulisan ataupun nyanyian dan dekat mana beliau ambil sekiranya ada. | Untuk bidang penulisan, mulanya saya takda mana-mana lah, maksudnya saya tidak pergi mana-mana cuma mendengar sehala sahaja. |

| | | |
|---|---|---|
| | | Selepas tahun lapan puluh sembilan 1989 lebih kurang begitulah, saya join dengan persatuan penulis Tumpat dan mengikuti banyak bengkel penulisan bersama dengan sasterawan negara Arena Watie.<br><br>Saya join persatuan PPK [Persatuan Penulis Kelantan], Persatuan Penulis Kelantan, dengan persatuan penulis Aswada. Banyak ikut bengkel pernulisan.<br><br>Sebenarnya tiada penulisan dikir barat ni, yang saya pergi ialah penulisan cerpen dan puisi sahaja dan novel. Tetapi saya tak menulis novel dan cerpen, tidak pernah terlibatlah.<br><br>Saya balik dah berfikir dan saya rasa sesuai dengan minat saya, saya terus menulis lirik lah. |
| **BAHAGIAN 3: KERJAYA SEMASA** | | |
| 14:10 | Menceritakan tentang kerjaya Pegawai di Kementerian Belia dan Sukan. Beliau juga memberitahu tempat pertama beliau berkhidmat sebagai pegawai belia. | Saya bertugas di Kementerian Belia dan Sukan sebagai penolong pegawai Belia dan Sukan.<br><br>Tempat mula saya adalah di Kompleks Belia dan Sukan Negeri Kelantan.<br><br>Dan bertugas sebagai penolong pengawai Belia dan Sukan ni, skop tugasnya untuk |

| | | |
|---|---|---|
| | | melaksanakan ataupun menguruskan program belia, sukan dan rakan muda.<br><br>Itu dia punya skop tugaslah, dan bila di kompleks dan sukan dulu, kami uruskan juga dewan, gymnasium, asrama dan kemudahan-kemudahan lain lah yang ada disitu, semasa itu.<br>Disamping itu, tugas-tugas tadi lah belia, sukan dan rakan muda. |
| 15:10 | Menjawab soalan tentang umur ketika pertama kali menjadi pegawai tersebut. | Semasa di kementerian Belia dan Sukan, saya dah lewat dah masuk, saya masuk pada umur 35 tahun. Semasa itu saya dah di LKIM [Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia]. |
| 15:33 | Menceritakan tentang pencapaian terbesar sebagai Penolong pegawai belia dan sukan. | Dapat anugerah khidmat cemerlang lah pada tahun 2006, 2009.<br><br>Pernah mendapat rakan muda aktif negeri Johor pada tahun 2008 tak silap saya.<br><br>Dan lebihnya, saya adalah mentor kepada program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. |
| 16:07 | Menjawab soalan tentang adakah sukar menjadi seorang Pegawai belia dan sukan dan apakah cabaran tersebut? | Cabaran yang untuk sebagai seorang pegawai belia ni apabila, kita bertugas di pejabat belia daerah, apabila banyak persatuan yang hidup segan mati tak mahu, |

| | | |
|---|---|---|
| | | ada yang dah mati. Kita buat program macam mana kita nak ajak orang masuk, itu sedikit cabaran lah.<br><br>Contohnya, ini contoh ada satu senamrobik macam mana nak kumpul 50 orang? Tu sedikit cabaran lah. Sebab kita nak bawa orang tu lagi- lagi program yang lebih besar lah. |
| 17:00 | Menceritakan pengalaman yang tidak dapat dilupakan sebagai Pegawai belia dan sukan. | Pengalaman yang tak dapat dilupakan, dia ada dua yang baik, buruk.<br><br>Menjadi mentor kepada 51 pemegang emas anugerah remaja perdana. Saya adalah mentornya termasuk salah satu di Johor dan selebihnya di Terengganu. Yang di Kelantan ni baru nak adalah, ada lapan ada lah. Tapi yang dah dapat 51 saya jadi mentornya kepada diaorang lah.<br><br>Tragedi yang tak dapat dilupakan adalah satu program tu, konvoi motor rakan muda, ada satu peserta masa dekat tangkak di Johor jatuh motor dan meninggal dalam program saya lah masa itu. Itu tidak dapat dilupakan lah.<br><br>Sesuatu yang agak mengerikan lah bagi saya apabila buah pinggang beliau terpaksa dipotong dan sebagainya. |

| | | |
|---|---|---|
| 18:00 | Menceritakan sedikit tentang kerjaya beliau sebelum menjadi Pegawai belia dan sukan. | Pada tahun 90, bekerja dengan UMNO Nasional Organizations di Tumpat, Kelantan.<br><br>Sebelum tu, saya adalah kerja kampung, kerja bendang selepas saya belajar ILP [Institut Latihan Perindustrian] itu adalah tolong bapa saya buat padi.<br><br>1994 saya ke Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia lah, sebagai penyelia jeti masa itu, penyelia pusat pendaratan.<br><br>2001 ke Kementerian Belia dan Sukan. |
| **BAHAGIAN 4: KERJAYA SEBAGAI SENIMAN DIKIR BARAT** | | |
| 19.41 | Menceritakan tentang pada tahun berapakah beliau melibatkan diri dalam seni Dikir Barat ini? | Mula terlibat pada tahu 1990 secara serius |
| 20.04 | Menceritakan bagaimana beliau boleh terlibat di dalam seni Dikir Barat ini? | Sebagai setiausaha Persatuan Gerakan Belia 4B Malaysia di Kampung Dalam Rhu – perlu mengisi masa lapang rakan-rakan.<br>Dorongan dan atas minat rakan-rakan lain untuk menubuhkan satu pasukan Dikir Barat. |
| 20.53 | Menjawab soalan tentang mengapakah beliau ingin meneruskan kerjaya sebagai seniman Dikir Barat ini? | Saya rasa seronok sebab saya suka mendengar lagu-lagu yang baik-baiklah |

| | | |
|---|---|---|
| | | Saya suka disitu sebab saya mendengar apa luahan daripada pendikir itu.<br><br>Beliau juga ingin mengubah bait-bait perkataan negative yang wujud dalam Dikir Barat pada ketika itu. |
| 21.50 | Menceritakan tentang sekiranya beliau pernah menghadapi tanggapan yang kurang baik daripada keluarga ataupun orang sekeliling ketika menceburi bidang Dikir Barat ini. | Peringkat awal adalah yang halangan tu daripada family sikit-sikit. Tetapi tak banyak sangat lah mungkin dia kata buang masa, tidak dapat apa apa pun.<br><br>Perkara itu akhirnya dilenyapkan atas pembawakan kita sendiri lah. |
| 22.32 | Menjawab soalan tentang dimanakah beliau belajar kemahiran asas tentang Dikir Barat ini ? | Melalui radio dahulu.<br><br>Melihat saudara iaitu Yusof Kelong di TV sebagai tenaga pengajar, mula terbit rasa minat.<br><br>Rapat dengan Yusof Kelong dan banyak mencuri pengalaman dari dialah. |
| 23:27 | Menjawab soalan adakah beliau adalah seorang tenaga pelajar bagi pasukan Dikir Barat? | Betul, saya adalah tenaga pengajar bagi pasukan Seri Keseng Kota Bharu.<br><br>Mengajar di IKBN – satu kumpulan lelaki, satu kumpulan Wanita. |

| | | |
|---|---|---|
| 23:50 | Menceritakan nama pasukan Dikir Barat yang beliau sedang mengajar sekarang. | Pasukan itu namanya Seri Keseng.<br><br>Pasukan kedua tiada nama, sekadar IKBN atau puteri IKBN. |
| 24.21 | Menceritakan lagu pertama yang beliau hasilkan. | Yang dirakam yang pertama adalah lagu "Sejarah Cinta" dendangan Megat Nordin.<br><br>Lagu pertama saya terlupalah. Mungkin masa tu hanya mencuba-cuba |
| 24:53 | Menceritakan berapa buah lagu yang sudah beliau hasilkan sepanjang penglibatan beliau sebagai seniman dikir barat. | Saya rasa sudah menghampiri seribu lagu.<br><br>Termasuk lagu-lagu pertandingan, lagu iklan<br><br>Sebab mungkin terlupa yang saya kumpul, ada dalam lima enam ratus gitu. |
| 25:40 | Menceritakan idola beliau dalam persembahan Dikir Barat dan di dalam penulisan lirik. | Oang yang pertama saya kenal saudara Yusof Kelong, saya minat Semawa Bulan<br><br>Muhsin Gelang Emas, Tujuh Sala Jambu – Dikir Barat.<br><br>Dalam bidang penulisan, minat kepada Muhammad Nordin Bukit Abar. |

| | | |
|---|---|---|
| 26:22 | Menceritakan tentang siapakah orang yang sering menyanyikan lagu dan lirik ciptaan beliau. | Saudara Megat Nordin, Mat Glamour, Setapo Merak Emas, Rizal Ranjuna, Fendi Ayam Serama, Norma Dahlia |
| 26:53 | Menceritakan tentang pencapaian tertinggi ataupun yang paling beliau ingati daripada penulisan lirik kepada penyanyi yang disebutkan tadi. | Percapaian tertinggi saya diminta menulis untuk lagu sebuah Program Citrawarna yang melibatkan seribu pendikir barat tahun 2000.<br><br>Lagu saya banyak dibawa oleh tok-tok juara kita ni semasa di pertandingan lah macam di RTM (Radio Televisyen Malaysia). |
| 27:30 | Menceritakan berapa lama diambil untuk menghasilkan satu lirik baharu. | Ada yang ambil dalam 15 minit ada yang ambil masa 30minit, ada 1 jam, ada 1 hari, ada 1 minggu, ada 1 bulan.<br><br>Bila siap, lagu tersebut tidak semestinya terus dikeluarkan. Bergantung kepada keadaan. |
| 28:10 | Menceritakan tentang perkara penting yang perlu dilihat semasa proses penulisan lirik. | Tema, Ritma, Melodi dan Penyanyi yang sesuai. |
| 28:40 | Menceritakan tentang cara menghasilkan lagu yang berkualiti untuk Dikir Barat. | Lagu yang berkualiti bergantung kepada orang yang akan menyanyikannya.<br><br>Jikalau orang hebat dan pandai yang bawa, maka berjaya la lagu itu. |

| | | |
|---|---|---|
| 29:02 | Menceritakan bagaimanakah beliau mendapatkan inspirasi semasa menghasilkan lirik lagu tersebut. | Berdasarkan sekeliling. Pelbagai sumber.<br><br>Surat khabar, berita, cerita orang, Internet. |
| 29:29 | Menceritakan tentang bilangan album yang pernah beliau terbitkan dan nama bagi album tersebut. | Tiga album: Kompilasi Empat Puluh Enam Lagu, King of Dikir dan Kaki Dikir. |
| 30:06 | Menjawab soalan adakah beliau pernah menyertai sebarang pertandingan Dikir Barat. | Jaranglah sangat, tetapi pernah ketika awal tahun 90an.<br><br>Tidak mengfokuskan pertandingan. |
| 30:30 | Menceritakan dimanakah dan bila kali pertama beliau mempersembahkan Dikir Barat di khalayak ramai. | Tempat yang pertama saya dikir dikhalayak ramai ialah di Penarik, Terengganu di daerah Setiu.<br><br>Kemudian pulang berdikir di Kelantan.<br><br>Sering mendapat jemputan. |
| 31:43 | Menceritakan tentang adakah beliau masih dijemput membuat persembahan Dikir Barat dan dimanakah lokasi yang sering dikunjungi. | Kota Bharu, Bachok, Tumpat, Tanah Merah.<br><br>Itulah selalu tempat, sebab saya sebagai tenaga pelajar, saya masih boleh lagi turun ke tempat tu lah bila dia buat sesuatu sambutan. |

| | | |
|---|---|---|
| 32:27 | Menjawab soalan tentang adakah beliau mempunyai ahli keluarga atau saudara-mara yang mengikuti jejak langkah beliau sebagai seniman Dikir Barat ini? | Menulis tiada. Kalau mengikut dikir adalah dua beradik anak saya ni.<br><br>Anak number 2 dan yang bongsu boleh bermain alat muzik seperti rebana ibu. |
| 33:08 | Menjawab soalan tentang bidang manakah antara penulisan lirik dan Dikir Barat yang lebih diminati. | Saya lebih minat menulis walaupun memainkan peranan sebagai Tukang karut di bawah nama Supian Hanuman Ikan.<br><br>Rasa seronok dan kepuasan apabila mencipta lagu atau menulis lirik. |
| 33:44 | Menceritakan rahsia dan petua yang dilakukan untuk terus kekal dalam bidang seni Dikir Barat sehingga sekarang. | Rahsia tiada sangat. Jangan lokek ilmu.<br><br>Hubungan silaturrahim juga penting. |
| 34:27 | Menceritakan tentang pengalaman diminta menjadi guru atau mentor dalam seni Dikir Barat ini. | Pernah di IKBN Pagoh, Sekolah Menengah Teknik Muar, Pulapol Muar, Sekolah Che Latiff Kota Bharu. |
| 35:12 | Menceritakan kenangan manis sepanjang penglibaran di dalam Dikir Barat ini. | Apabila lagi-lagu saya ke final dalam pertandingan.<br><br>Diingati oleh orang dan para pendengar. |

| | | |
|---|---|---|
| 35:57 | Menceritakan tentang perkara yang dititikberatkan ketika ingin persembahkan Dikit Barat. | Yang pertama bagi segi penampilan lah, disiplin, ketepatan masa, tutur kata.<br><br>Kalau bertutur atau berdikir dalam bahasa tidak senonoh, orang akan nampak imej tidak baik. |
| 36:45 | Menceritakan siapakah yang mendorong beliau untuk meneruskan menjadi seorang penggiat seni di dalam Dunia Dikir Barat. | Pertama ialah diri sendiri, kedua ialah rakan-rakan dan yang terakhir ialah family. |
| 37:08 | Menceritakan projek yang sedang dijalankan sekarang. | Masih lagi menulis lirik-lirik lagu Dikir Barat.<br><br>Sedang mengorak langkah untuk menulis buku-buku berkaitan Dikir Barat. |
| 38:02 | Menjawab soalan adakah beliau berminat untuk menceburi mana mana kategori lain dalam bidang Dikir Barat? | Saya rasa saya memadai apa yang saya adalah sekarang ni.<br><br>Yang lain tu saya boleh berdikir macam biasa dan alat-alat muzik tu saya boleh sentuh jugalah sikit-sikit lah. |
| 38:46 | Menceritakan cara beliau menyesuaikan diri dengan perubahan Dikir Barat dengan masa kini dengan dahulu terutamanya apabila adanya sosial media. | Kena ikut peredaran semasa juga. Lagu saya pun dah masuk Youtube, Tiktok, Facebook juga. |

| | | |
|---|---|---|
| | | Lagu yang dibuat juga berkumandang di Radio seperti THR Gegar, Manis FM, Kelantan FM. |
| 39:38 | Menjawab soalan tentang adakah pandemik telah memberikan kesan terhadap kerjaya beliay seperti Dikir Barat dan penulisan lirik serta persembahan lain. | Kesan itu adalah sebab tidak keluar ke mana-mana, tidak boleh keluar.<br><br>Tetapi pada masa itulah saya keluarkan buku "Kaki Dikir".<br><br>Ruang masa tu saya guna sebaik mungkin untuk menyiapkan kerja yang terbengkalai. |
| **BAHAGIAN 5: SUMBANGAN/PENCAPAIAN TOKOH** | | |
| 40:34 | Menceritakan tentang tahun penerimaan anugerah Aktivis Budaya kelantan. | Anugerah aktivis Budaya Negeri Kelantan pada tahun 2006. |
| 40:46 | Menceritakan tentang bagaimanakah beliau menerima anugerah tersebut. | Anugerah tersebut diberikan oleh Kerajaan Negeri Kelantan lah dibawah majlis Kebudayaan Negeri Kelantan.<br><br>Kita diminta menghantar resume sebenarnya untuk apa aktiviti yang kita buat dalam sepanjang masa tu. |
| 42:03 | Menceritakan dengan lebih lanjut tentang anugerah Penggiat Budaya 2006 yang pernah dirangkul oleh beliau. | Anugerah ini diberikan kepada penggiat-penggiat lain juga mengikut bidang tersendiri seperti penulisan, drama, teater dan sebagainya. |

| | | |
|---|---|---|
| 42:49 | Menceritakan tentang pada tahun berapakah beliau melancarkan album King's of Dikir | Pada tahun 2018.<br><br>Pernah menjadi penerbit kepada album orang lain di Syarikat Sincere Music dalam tahun 1991 sampai tahun 2007.<br><br>King's of Dikir sebagai comeback. |
| 43:42 | Menceritakan tentang penghasilan buku "Lirikku Lukisan Jiwaku" | Nak jadikan buku bila saya bertugas di Institut Kemahiran Belia dan Negara Tanah Merah, sebagai bahan ilmiah di dalam perpustakaan.<br><br>Pustaka Dewan Puisi dan Cikgu Leo menjadi penerbit dan terlahirnya buku itu. |
| 48:00 | Menceritakan tentang cara melancarkan proses menyiapkan buku dan dengan siapa beliau bekerjasama serta adakah mereka mempunyai minat yang sama. | Antara prosesnya seperti yang saya katakan tadilah, saya pergi jumpa dengan penerbitlah Cikgu Leo di PDP [Pustaka Dewan Puisi] yang sanggup menerbitkan buku saya dan saya berbincang dengan rakan rakan penulis saya di Pesisir.<br><br>Rakan rakan saya yang lain untuk buat grafik dan sebagainyalah siapkan gambar dan juga dia punya apa kata kata aluan.<br><br>Exco Kebudayaan dengan Exco Pelajaran membantu saya dari segi kos menerbitkan buku tersebutlah. |

| | | |
|---|---|---|
| 50:04 | Menceritakan maksud tersirat disebalik tajuk buku "Lirikku Lukisan Jiwaku". | Ianya sebenarnya bertolak di dalam hati dan jiwa kita, yang kita keluarkan tu lahir daripada ilham kita seolah-olah satu lukisan kepada bait-bait ayat semua sekali lah. |
| 50:04 | Menjawab soalan pada tahun berapakah buku "Lirikku Lukisan Jiwaku" diterbitkan. | Diterbitkan pada 2021 ketika covid sedang rancak. |
| 50:31 | Menjawab soalan pada tahun berapakah buku "Lirikku Lukisan Jiwaku" dilancarkan dan juga album dikir Barat "Kaki Dikir". | Pada tahun yang sama iaitu 2021 juga sekali. |
| 50:49 | Menceritakan sambutan dan hasil jualan buku serta cd beliau. | Sambutan sangat baik dan orang tercari-cari bahan yang baru. Ianya sesuatu yang amat baik sepanjang karier saya dalam bidang seni. |
| 51:30 | Menceritakan tentang adakah sambutan yang diperoleh memberikan lagi semangat tambahan kepada beliau untuk terus berkarya. | Ya, sudah tentulah. Perkara itu menaikkan lagi semangat saya untuk terus berada dalam industri ini sehingga sampai sekarang ni. |
| 51:54 | Menjawab soalan tentang adakah beliau ada bercadang untuk menerbitkan lagi buku tentang Dikir Barat. | Buku Dikir Barat saya ada bercadang untuk buat buku tokoh-tokoh, perkenalkan tokoh-tokoh Dikir Barat. Buku yang saya nak buat iaitu saya sedang kumpulkan juga untuk |

| | | |
|---|---|---|
| | | Antologi puisi saya dan untuk Antologi pantun saya. |
| 52:54 | Menceritakan cara beliau mempromosikan buku dan album Kaki Dikir. | Saya banyak buat dalam FB [Facebook], saya banyak buat dalam YouTube, saya banyak buat dalam Live.<br><br>Sahabat-sahabat, group-group WhatsApp. |
| 53:20 | Menceritakan proses tempahan daripada pelanggan yang ingin membeli buku. | Saya memang buat sendiri lah, tiada pekerja.<br><br>Tak sampai orang kata tak mene tangan.Masih sempat nak urus sendiri. |
| 53:53 | Menceritakan secara terperinci tentang penganugerahan Adiguru CENDANA. | Satu anugerah yang saya pernah dapat di peringkat Nasional atau di peringkat Negara lah saya dapat ini.<br><br>Pada awalnya saya diminta untuk mencalonkan diri saya sendiri oleh pihak Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan lah yang minta saya masuk ataupun mengisi satu kertas macam resume gitu.<br><br>Diselia oleh PUSAKA satu badan NGO pada tahun 2022.<br><br>Dibawah Program Pemulih |

| | | |
|---|---|---|
| 55:33 | Menceritakan pengalaman beliau menjadi hakim bagi pertandingan Dikir Barat Festival Bahasa dan Sastera peringkat Negeri kelantan 2023. | Memang sebab saya dah ada buku dengan dia, buku saya DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] dah beli apa semua sekali, saya pun selalu ke DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka] jadi saya ni [ini] salah seorang pengadil dibawah Dewan Bahasa dan Pustaka lah kalau ada pertandingan. <br> . |
| 56:30 | Menceritakan tentang pernahkah beliau menjadi hakim bagi pertandingan lain atau majlis lain. | Pernah menjadi hakim anjuran Perlancongan Negeri Kelantan, sekolah, Jabatan Kesihatan,Jabatan Penerangan, RTM Malaysia dan festival-festival kebudayaan di negeri Kelantan dan Kuala Lumpur. |
| **BAHAGIAN 6: CABARAN YANG DIHADAPI OLEH TOKOH** | | |
| 59:04 | Menceritakan tentang cara beliau mengatasi masalah mengimbangi masa antara kerjaya sepenuh masa dengan dikir barat. | Mudah je sebenarnya. Time kerja kita kerjalah, time kita fokus kepada kesenian dikir barat tu. <br><br> Kalau Dewan Bahasa memerlukan kita, mereka perlu menulis surat dan ajukan kepada majikan kita. <br><br> Kerja hakiki yang lebih utama kita perlu fokus lah. Kalau bayarannya sampai RM30 000 pun tapi kerja kita tak selesai tak bagus juga okay. |

| | | |
|---|---|---|
| 1:00:16 | Menjawab soalan berkaitan apakah cabaran yang sering dihadapi dalam penghasilan lirik dan lagu baru serta yang memberi impak kepada pendengar | Cabaran menghasilkan lirik tidaklah cabaran.<br><br>Tulis lirik bagi kepada penyanyi yang tak berapa sedap didengar memang tak jadfilah mesej yang nak disampaikan itu.<br><br>Orang yang bawa lagu pun perlu memberikan persembahan yang terbaik. |
| 1:01:25 | Menjawab soalan tentang pernahkah beliau menghadapi permasalahan semasa penubuhan kumpulan dikir barat? | Menubuhkan kumpulan Dikir Barat saya tak banyak menubuhkan sebenarnya saya banyak pergi mengajar yang orang dah tubuhkan.<br><br>Dan mungkin nak tubuhkan tu adalah sedikit kot, cabaran nak cari yang berminat yang serasi, yang betul-betul nak join dan sebagainya<br><br>Asal mula mula dulu memang dah complete semua yang minat saja datang, yang tak berminat memang tak datang lah.<br><br>Cabaran di belah saya tiadalah kerana kumpulan yang memanggil saya. |

| | | |
|---|---|---|
| 1:02:06 | Menceritakan tentang adakah beliau mempunyai cabaran ataupun masalah dari bentuk kewangan ketika hendak menerbitkan buku. | Saya takda masalah kewangan semasa menerbitkan buku sebab segala kewangan dibiayai oleh pihak Kerajaan negeri lah<br><br>Nak mengadakan bahan tu tanpa modal sebenarnya bahan tu datang daripada kepala kita sendiri kan dan tangan kita yang nak menulis. |
| 1:02:40 | Menceritakan tentang bagaimana beliau membahagikan masa antara bersama keluarga dengan kerjaya yang diminati iaitu Dikir Barat. | Saya guna konsep santai bersama keluarga. Saya ajak bersama-sama malam pertunjukkan, malam anugerah, malam apa semua family saya tahu.<br><br>Bawa anak saya dua tu yang pandai main tu, dia tahu menilai apa itu sebenarnya perjuangan saya dalam seni budaya itu sendiri.<br><br>Bagi saya, keluarga adalah apa penyokong kuat sumber kekuatan |
| **BAHAGIAN 7: PENDAPAT/HARAPAN TOKOH** | | |
| 1:03:46 | Menceritakan tentang harapan beliau terhadap masa depan persembahan dikir barat. | Yang pertama kekal<br><br>Yang kedua baik<br><br>Yang ketiga tambah baik kualiti |

| | | |
|---|---|---|
| 1:04:01 | Menceritakan pendapat beliau tentang perbezaan dikir barat zaman dahulu dan kini. | Sekarang lebih murni, kalau dulu dia entah apa-apa mesej yang nak disampaikan, mungkin mesej hanya untuk peribadi sahaja<br><br>Sekarang ini banyak bertema masyarakat, menolak gejala sosial dan sebagainya<br>Bagi saya itulah yang patut ada mengikut zaman ini dan tidak mengajak pendengar ke arah negatif<br>Semestinya ke arah lebih positif. |
| 1:04:45 | Menjawab soalan tentang bagaimanakah cara untuk memastikan dikir barat sentiasa diingati dan tidak ditelan zaman ? | Kekalkan keaslian, jangan campur kan dengan unsur-unsur yang lain.<br><br>Jangan dicampur dengan elemen muzik, kontemporari lain sebagainya lah alat-alat gendangan yang lain yang tidak sesuai. |
| 1:05:16 | Memberikan pandangan beliau terhadap apakah peranan anak muda yang perlu dititikberatkan untuk mengekalkan warisan dikir barat ini ? | Perlu dilatih, perlu disokong, perlu diangkat, perlu dibuat sesuatu seperti pertandingan dan sebagainya. Agensi-agensi, jabatan-jabatan kerajaan memainkan peranan yang penting. |
| 1:05:55 | Memberikan pendapat beliau terhadap penerimaan seni dikir barat bagi anak-anak muda sekarang. | Sangat baik dan sangat diminati |

| | | |
|---|---|---|
| | | Masih lagi wujud Kumpulan-kumpulan anak muda yang menubuhkan pasukan Dikir Barat di serata negerilah<br><br>Negara seperti Singapura, Brunei turut menubuhkan group Dikir Barat ini. |
| 1:06:50 | Menceritakan harapan beliau di dalam seni dikir barat atau penulisan yang belum dicapai. | Belum dapat pingat dari Istana.<br><br>Pengiktirafan lain seperti Adiguru Cendana, Anugerah Penggiat Budaya 2006 sudah dicapai, tinggal pingat dari istana belum diterima.<br><br>Masih penunggu pengiktirafan daripada pihak istana. |
| 1:07:44 | Menjawab soalan tentang adakah beliau berharap anak-anak beliau akan meneruskan warisan dikir barat ini dengan kemahiran penulisan lirik seperti beliau ? | Harapan itu ada, tetapi terpulang kepada mereka kerana benda ini susah sekiranya hendak baru bermula.<br><br>Tidak semua orang boleh menulis walaupun dia seorang penyanyi ataupun pendikir barat sendiri.<br><br>Nak menjadi seorang penulis tu perlu kepada pengamatan, penceritaan yang rapi lah sebab Dikir Barat adalah pantun, mempunyai ritma tersendiri. |

| | | |
|---|---|---|
| 1:11:01 | Menceritakan harapan dan impian beliau yang belum dipenuhi secara lebih terperinci. | Saya nak buat bengkel penulisan Dikir Barat. Nak bimbing sendiri orang lain supaya boleh menulis.<br><br>Nak bawak group dikir barat saya yang bagus ke Istana Budaya.<br><br>Saya juga ingin popular ke luar negara kerana saya tidak pernah ke luar negara. Saya pernah ke luar negara tetapi seperti Thailand sahaja.<br><br>Pernah berunding dengan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk dipanggil. |

# DIARI KAJIAN

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 8.00pg - 11.00pg | 27 Mac 2023 | Kami diberi penerangan oleh Puan Nurulannisa mengenai Oral Temubual dan Puan Nurulannisa menerangkan tentang tema tajuk kajian lisan yang perlu dibuat untuk semester kali ini iaitu tentang Tokoh Veteran yang terlibat di dalam Dunia Seni.<br><br>Puan Nurulannisa mengarahkan pelajar untuk membentuk kumpulan seramai dua orang satu kumpulan dan menyuruh setiap kumpulan untuk memikirkan tempat untuk dibuat kajian serta mencari tokoh yang sesuai mengikut tema yang diberikan oleh beliau. | Membuat catatan tentang kajian lisan dan tema serta tajuk bagi kajian lisan tersebut.<br><br>Menentukan ahli kumpulan seramai dua orang:<br><br>1) Yasmin binti Salehudin – 2022780403<br><br>2) Lis Safiah binti Mohd Syukry - 2022923955 |
| 10.30pg | 27 Mac 2023 | Memohon surat kebenaran dari UiTM untuk melakukan tugasan kajian serta mengisi borang di dalam Google Form untuk memohon surat tersebut | Mendapatkan surat, diisi oleh Lis Safiah |
| 9.00pg | 30 April 2023 | Mendapat surat kebenaran daripada UiTM untuk melakukan tugasan kajian lisan | Lis Safiah mendapatkan borang tersebut melalui email |

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 9.00pg-12tgh | 6 May 2023 | Mencari Maklumat mengenai tokoh veteran yang bergiat aktif di dalam bidang seni.<br><br>Menjumpai 1 tokoh yang menarik perhatian kami iaitu Cik Omara yang bergiat di dalam bidang Boria di Pulau Pinang<br><br>Menghubungi Cik Omari untuk bertanya tentang Tarikh yang sesuai dan tujuan kami | Mendapatkan maklumat mengenai Cik Omara di google dan terus menghubungi beliau di aplikasi WhatsApp |
| 12.00tgh | 8 May 2023 | Terpaksa menukar tokoh baharu kerana kesilapan dari pihak Yasmin dan Lis Sfiah. Tokoh telah dipilih oleh senior sebelum ini yang melakukan tajuk dan tokoh yang sama. | Lis Safiah menghubungi Cik Omara untuk menyatakan sebab terpaksa menukar tokoh |
| 1.00ptg | 8 May 2023 | Pencarian tokoh baharu di lakukan di aplikasi seperti Facebook, Tiktok dan Google.<br><br>Menjumpai satu tokoh di Kelantan iaitu Encik Supian Hassan, seorang pendikir barat di aplikasi Facebook. | Mencari maklumat di Google dan laman web yang berkenaan untuk melihat dengan elbih lanjut tentang Encik Supian agar beliau menepati ciri ciri yang diperlukan untuk menjadi tokoh. |
| 2.00ptg | 8 May 2023 | Menghubungi Tokoh baharu iaitu Encik Supian Hassan untuk menyatakan tujuan temuramah dan mendapatkan Tarikh untuk temubual<br><br>Encik Supian memberikan Tarikh dan alamat rumah beliau untuk melakukan temuramah | Yasmin menghubungi Encik Supian melalui aplikasi Whatsaap. Number beliau diambil di Facebook.<br><br>Tarikh yang dipilih ialah 9 Jun 2023 di Tanah Merah. |
| 3.00ptg | 9 May 2023 | Mengusulkan tokoh kepada madam dan diterima. | Mendapat persetujuan daripada Puan Nurulannisa |

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 10.00pg-5.00ptg | 10 May -23 May 2023 | Membuat 100 soalan temuramah dan membahagikannya kepada beberapa kategori seperti Latar belakang tokoh, Latar belakang Pendidikan, Pengalaman kerjaya sebelum, Pengalaman kerjaya semasa, Sumbangan/Pencapaian, Cabaran dan Harapan/Pendapat. | Lis Safiah dan Yasmin menyiapkan soalan di Google Document |
| 8.00pg-9.50pg | 29 May 2023 | Menghantar soalan kepada pensyarah iaitu Puan Nurulannisa di Google Classroom untuk diperiksa. | Soalan diluluskan oleh Puan Nurulannisa tanpa sebarang pembetulan yang perlu dilakukan. |
| 12.00tgh | 7 June 2023 | Menghantar soalan kepada tokoh, Encik Supian untuk persediaan tokoh sebelum temuramah dilakukan | Soalan dihantar kepada Encik Supian dan beliau menerima soalan tersebut. |
| 2.00ptg | 8 June 2023 | Menghubungi Tokoh baharu iaitu Encik Supian Hassan untuk mengingatkan beliau tentang Tarikh temubual yang akan berlaku pada 9 June 2023 Jumaat. | Mendapatkan pengesahan tentang waktu temuramah sekali lagi serta tempat yang akan dijalankan |
| 9.00pg | 9 June 2023 | Yasmin dan Lis Safiah menghubungi Encik Supian untuk penukaran Tarikh kerana terdapat masalah teknikal yang tidak dapat dielakkan. | Encik Supian memahami permintaan tersebut dan bersetuju untuk menukar tarikh ke 10 June 2023 pada jam 9.00 di rumah beliau yang terletak di Tanah Merah |

| MASA | TARIKH | PERKARA | TINDAKAN |
|---|---|---|---|
| 10pg-11.30pg | 10 June 2023 | Temubual dijalankan seperti yang ditetapkan dan dijalankan secara bersemuka di rumah Encik Supian di Tanah Merah.<br><br>Untuk sesi pertama, Yasmin telah memulakan pertanyaan soalan<br><br>Bagi sesi kedua, Lis Safiah pula mengajukan soalan sehingga ke penutup. | Temubual bermula. Temuramah tersebut telah dirakamkan perbualannya serta direkod videonya.<br><br>Temubual tersebut berlangsung selama 2 jam dan selebihnya ialah temubual secara tidak rasmi bersama tokoh dan bersarapan bersama beliau.<br><br>Setelah selesai temuramah, gambar jugak diambil. |
| 9.00pg | 22 June 2023-25 August 2023 | Proses Membuat Transcript bermula oleh Yasmin dan Lis Safiah | Menyiapkan secara penuh segala document yang diperlukan untuk menghasilkan sebuah buku bagi temuramah ini. |
| 11.59pm | 31 August 2023 | Transcript penuh dihantar untuk semakan oleh Puan Nurulannisa | Menghantar document transcript melalui Google Classroom. |

# SENARAI SOALAN

**Pengenalan: [rakam sebelum temubual]**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam seni dikir barat dan penulisan. Bersama-sama kami ialah Encik Supian Hassan yang merupakan seorang Penyanyi Dikir Barat dan Penulis buku dari tahun 1990 hingga sekarang 2023. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 03 JUN 2023 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di Rumah beliau yang terletak di Tanah Merah, Kelantan. Temubual ini dikendalikan oleh Lis Safiah dan Yasmin. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

**A. LATAR BELAKANG TOKOH:**

1. Apakah nama penuh Encik ?
2. Apakah nama gelaran dalam ahli keluarga ataupun rakan rakan Encik ?
3. Boleh kami tahu, kenapa encik memlilih Supian Hanuman Ikan sebagai nama glamour encik ?
4. Bilakah Tarikh lahir Encik ?
5. Dan Dimanakah Encik dilahirkan dan dibesarkan ?
6. Berapakah bilangan adik-beradik Encik dan Encik merupakan anak yang keberapa ?
7. Apakah cita-cita Encik semasa kecil dahulu ?
8. Dimanakah Encik menetap sebelum ini atau memang berasal sepenuhnya di sini?
9. Bolehkah Encik ceritakan sedikit tentang pasangan dan anak anak Encik serta pada tahun berapakah encik telah mendirikan rumahtangga ?
10. Adakah anak-anak Encik masih tinggal bersama atau telah berpindah dan menetap di luar ?
11. Boleh kami tahu nama anak-anak Encik?
12. Apakah hobi kegemaran Encik Supian pada waktu lapang ?
13. Apakah motto dan prinsip hidup Encik Supian?
14. Adakah ibu bapa Encik masih ada ? Jika ada, dimanakah tempat tinggal mereka ketika ini? Jika sudah tiada , boleh saya tahu pada tahun berapakah mereka tiada ?

## B. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

1. Adakah pendidikan dalam kalangan keluarga Encik penting ? Jika ya , mengapakah perkara tersebut penting?
2. Jadi dimanakah Encik Supian menerima pendidikan di sekolah dan pada tahun berapa?
3. Adakah Encik pernah memegang sebarang jawatan ?
4. Adakah Encik mempunyai guru kegemaran ketika di peringkat sekolah? Nyatakan kenapa?
5. Adakah Encik mempunyai sebarang subjek kegemaran?

6. Ketika zaman persekolahan Encik, bagaimanakah suasana pembelajaran dan kemudahan yang ada ?
7. Adakah Encik pernah menyertai sebarang pertandingan yang berkenaan dengan muzik pada peringkat sekolah ?
8. Dan adakah Encik pernah menjuarai sebarang pingat yang berkaitan dengan muzik ataupun pingat-pingat lain?
9. Adakah Encik melanjutkan ke peringkat seterusnya selepas peringkat menengah ?
10. Encik ambil kursus apa di ILP ( Institut Latihan Perindustrian) ?
11. Apakah kenangan manis yang paling ingat ketika peringkat sekolah ?
12. Adakah Encik pernah mengambil sebarang kursus yang berkaitan dengan bidang penulisan ataupun nyanyian dan dekat mana Encik ambil ?

## C. KERJAYA SEMASA

1. Berdasarkan hasil carian saya, saya dapati Encik juga penolong pegawai Belia dan Sukan. Jadi, bolehkah saya tahu serba sedikit tentang perkara tersebut ?
2. Dimanakah tempat pertama Encik bertugas sebagai seorang pegawai Belia dan Sukan ini ?
3. Berapakah umur Encik pada pertama kali Encik menjadi pegawai itu?
4. Apakah pencapaian terbesar Encik sebagai penolong pegawai Belia dan Sukan ? Mungkin pernah menjadi pegawai sukan untuk apa-apa?
5. Adakah sukar menjadi seorang pegawai Belia dan Sukan ?
6. Dan apakah cabaran yang pernah Encik hadapi ?

7. Adakah encik mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan sebagai Pegawai Belia dan Sukan?
8. Bolehkah Encik ceritakan sedikit kerjaya Encik sebelum menjadi Pegawai Belia dan Sukan?

**D. KERJAYA SEBAGAI SENIMAN DIKIR BARAT**

1. Kita akan pergi kepada seksyen pengalaman kerjaya seniman Dikir Barat. Soalan pertama, pada tahun berapakah Encik melibatkan diri dalam seni Dikir Barat ini ?
2. Bagaimanakah Encik boleh melibatkan diri dalam seni Dikir Barat ini ?
3. Mengapakah Encik ingin meneruskan kerjaya encik sebagai seniman Dikir Barat ini ?
4. Pernahkah Encik Supian menghadapi tanggapan yang kurang baik daripada Keluarga ataupun orang sekeliling ketika Encik menceburi diri di dalam bidang ini ?
5. Dimanakah encik belajar kemahiran asas tentang dikir barat ini ?
6. Menurut kajian, encik sekarang adalah seorang tenaga pelajar bagi pasukan dikir barat betul ?
7. Apakah nama pasukan dikir barat yang encik sedang mengajar sekarang ?
8. Apakah lagu pertama yang Encik Supian telah hasilkan ?
9. Selain itu, berapakah buah lagu yang encik sudah hasilkan sepanjang penglibatan Encik sebagai seniman dikir barat ini?
10. Siapakah Idola Encik Supian dalam persembahan nyanyian atau persembahan dan di dalam penulisan lirik ?
11. Siapakah yang sering menyanyikan kebanyakkan lagu dan lirik ciptaan selain Encik Supian sendiri ?
12. Apakah pencapaian tertinggi ataupun yang paling Encik ingati daripada penulisan lirik kepada penyanyi penyanyi yang Encik sebutkan tadi ?
13. Berapa lamakah encik mengambil masa untuk menghasilkan satu lirik baharu ?
14. Jadi, apakah perkara penting yang perlu dilihat semasa proses penulisan lirik ini ?
15. Bagaimanakah untuk menghasilkan lagu yang berkualiti untuk Dikir Barat?
16. Apakah yang encik sering lakukan untuk mendapat inspirasi semasa menghasilkan semua lirik tersebut ?
17. Berapakah bilangan album yang pernah Encik terbitkan dan bolehkah kami tahu nama nama bagi album tersebut ?

18. Sebelum ini adakah Encik Supian selalu menyertai sebarang pertandingan Dikir Barat?
19. Dimanakah dan bila kali pertama Encik mempersembahkan Dikir Barat di khalayak ramai ?
20. Adakah Encik masih dijemput untuk membuat persembahan Dikir Barat ? Jika ya, dimanakah antara lokasi yang selalu Encik pergi?
21. Adakah Encik Supian mempunyai mana-mana ahli keluarga atau saudara-mara yang mengikuti jejak langkah Encik Supian sebagai seniman dikir barat ?
22. Bagi soalan seterusnya, selain dikir barat, Encik juga ada berkecimpungan dalam industri penulisan lirik, jadi di antara dua bidang ini yang mana lebih menarik minat Encik Supian ?
23. Apakah rahsia dan petua Encik Supian untuk terus kekal dalam bidang seni dikir barat sehingga sekarang ?
24. Pernahkan Encik Supian diminta untuk menjadi guru atau mentor dalam seni dikir barat ini ?
25. Apakah kenangan manis yang sepanjang encik melibatkan diri di dalam seni dikir barat ini ?
26. Apakah perkara yang encik sangat menitikberatkan ketika ingin persembahkan dikir barat ?
27. Boleh kami tahu siapakah yang sering mendorong encik untuk meneruskan menjadi seorang penggiat seni di dalam dunia Dikir Barat ini ?
28. Apakah projek yang sedang Encik jalankan sekarang ?
29. Adakah Encik berminat untuk menceburi bidang lain selain bidang kerjaya Encik sekarang ?
30. Bagaimanakah Encik menyesuaikan diri dengan perubahan dikir barat masa kini dengan yang dahulu terutama sekali apabila adanya era digital seperti media sosial ?
31. Adakah ketika waktu Pandemik dahulu telah memberikan kesan terhadap kerjaya Encik seperti di dalam dikir barat, penulisan lirik atau persembahan lain yang Encik selalu lakukan ?

## E. SUMBANGAN/PENCAPAIAN TOKOH

1. Untuk seksyen seterusnya, menurut pencapaian Encik, pada tahun berapakah encik menerima anugerah Aktivis Budaya Kelantan ?
2. Boleh encik ceritakan bagaimanakah encik dapat menerima anugerah tersebut ?
3. Boleh kami tahu lebih lanjut tentang anugerah Penggiat Budaya 2006 yang pernah dirangkul oleh Encik Supian ?
4. Menurut King's Of Dikir yang Encik pernah lancarkan dan mendapat sambutan, pada tahun berapakah Encik melancarkan album tersebut ?

5. Boleh encik kongsikan bagaimana penghasilan buku ‘Lirikku Lukisan Jiwaku’ ?
6. Bagaimanakah encik melancarkan proses menyiapkan buku tersebut ? Adakah encik bekerjasama dengan mana-mana pihak yang mempunyai minat yang sama seperti Encik Supian ?
7. Apakah maksud tajuk yang tersirat pada buku ‘Lirikku Lukisan Jiwaku’ ini ?
8. Tahun berapakah buku ‘Lirikku Lukisan Jiwaku’ diterbitkan ?
9. Pada tahun berapakah encik melancarkan penjualan buku “Lirikku Lukisan Jiwaku” dan album dikir barat “Kaki Dikir” kepada peminat dikir barat ?

10. Semasa buku sulung encik "Lirikku Lukisan Jiwaku" dan bersama CD “Kaki Dikir” yang memuatkan lagu dikir barat sedang dipasarkan, bagaimanakah sambutan dan hasil jualan buku dan cd encik ?
11. Adakah dengan sambutan yang Encik perolehi ini memberikan lagi semangat tambahan kepada Encik untuk terus berkarya dalam bidang penulisan lirik ?
12. Ada Encik bercadang untuk menerbitkan lagi buku tentang Dikir Barat ini ?
13. Bagaimana encik mempromosikan buku "Lirikku Lukisan Jiwaku" dan bersama album Kaki Dikir ini ?
14. Bagaimana pula dengan proses tempahan daripada pelanggan yang ingin membeli buku Encik lakukan sendiri ataupun Encik mempunyai pekerja lain ?
15. Jadi, bagaimana untuk Penganugerahan Adiguru CENDANA pulak boleh encik ceritakan kepada kami secara lebih terperinci ?
16. Menurut kajian kami, Encik pernah menjadi hakim bagi pertandingan dikir barat Festival Bahasa dan Sastera peringkat negeri kelantan 2023. Boleh encik ceritakan kepada kami pengalaman encik ?
17. Selain menjadi hakim bagi Pertandingan Dikir barat Festival Bahasa dan Sastera tadi, adakah Encik pernah menjadi hakim bagi pertandingan atau majlis lain sepanjang penglibatan Encik di dalam dunia seni ?

## F. CABARAN YANG DIHADAPI OLEH TOKOH

1. Kita teruskan dengan seksyen seterusnya iaitu cabaran. Seperti sedia maklum, cabaran utama yang sering dilalui sebagai anak seni ialah kebanyakan harus mengimbangi masa, semasa encik masih bekerja sebagai pegawai Belia dan Sukan bagaimanakah encik mengatasi masalah mengimbangi masa antara kerjaya sepenuh masa ini dan Dikir Barat ?
2. Apakah cabaran yang sering encik hadapi untuk menghasilkan lirik dan lagu baru yang bagus dan memberi impak pada pendengar ?
3. Pernahkah encik hadapi permasalahan penubuhan kumpulan dikir barat ?
4. Adakah Encik mempunyai cabaran ataupun masalah dari bentuk kewangan ketika hendak menerbitkan buku ?
5. Jadi, bagaimanakah Encik membahagikan cabaran masa antara bersama keluarga dengan kerjaya yang Encik minati ini ?

## G. HARAPAN/PENDAPAT TOKOH

1. Apakah harapan Encik terhadap masa depan persembahan Dikir Barat ini ?
2. Apakah pendapat Encik tentang perbezaan Dikir Barat zaman dahulu dan kini ?
3. Bagaimanakah cara untuk memastikan Dikir Barat ini sentiasa diingati dan tidak ditelan zaman ?
4. Apakah peranan anak muda yang perlu dititikberatkan untuk mengekalkan warisan dikir barat ini ?
5. Apakah pendapat encik terhadap penerimaan seni dikir barata ini bagi anak-anak muda sekarang ?
6. Apakah harapan Encik di dalam seni dikir barat atau penulisan yang masih belum dicapai ?
7. Adakah Encik berharap bahawa anak anak Encik akan meneruskan warisan dikir barat dan kemahiran penulisan buku seperti Encik ?
8. Adakah Encik mempunyai harapan atau impian yang belum dipenuhi ? Jika ya, apakah impian tersebut ?

# SURAT PERJANJIAN

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya ........ Supian bin Hassan ........ K/P: ........ pada ...... 16/6/2023 ........ dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Pengajian Sains Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh ( nterviewee)
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat:
   a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

(Nama tokoh Supian Hasan)
Tarikh: 16/6/2023

(Nama Pensyarah: Nurulannisa Binti Abdullah)
b.p. Penolong Naib Canselor
Pengajian Sains Maklumat
Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

# GAMBAR BERSAMA TOKOH





# SIJIL PENGHARGAAN



MAJLIS SUKAN SEKOLAH-SEKOLAH KELANTAN
CAWANGAN KOTA BHARU I

*Sijil Penghargaan*

*Dengan sukacitanya*
*MSSK Cawangan Kota Bharu I*
*Menganugerahkan Sijil penghargaan ini kepada*

EN SUPIAN BIN HASSAN (UKM)

*K/P. No.:* A 0504645

*Di atas Pencapaian Cemerlang dalam bidang*

MELATIH DAN MEMBIMBING PASUKAN DIKIR BARAT SEK KEB CHE LATIFF

*bagi tahun* 2000

Nik Mohd Amin B. Hj. Nik Jaafar

*Pengerusi*
*MSSK Cawangan Kota Bharu I*
*Kelantan*

*Tarikh:* 26 MAR 2000

**MAJLIS KEBUDAYAAN NEGERI KELANTAN**
Gelanggang Seni, Jalan Mahmood,
15200 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-744

## *Anugerah Penggiat Budaya 2006*



### *Suffian Hassan (Hanuman Ikan)*

**Lahir : 2.11.1966 / Kg. Dalam Rhu, Tumpat, Kelantan**
**Umur : 40 tahun**
**Bidang : Dikir Barat / Penulisan**

**PENGALAMAN/ PENGLIBATAN:**

- Setiausaha Kehormat PENDIKIR
- Setiausaha Kehormat Persatuan Bina Badan Negeri Kelantan
- AJK Persatuan Penulis Tumpat
- Ahli Persatuan Penulis Kelantan
- Menubuh dan Memimpin Kumpulan Dikir Barat Belia 4B (M) Kg. Dalam Rhu, Tumpat
- Menjadi Penulis Lirik Lagu Dikir Barat dan Tukang Karut
- Menjadi Penerbit dan Pengarah Video Klip Dikir Barat @ VCD Syarikat Sincere Muzik
- Terlibat sebagai kru persembahan Teater Kumpulan ASPEK
- Menulis Lirik Lagu Dikir :
  - Sejarah Cinta
  - Biarlah Aku
  - Wei Guano Demo
    (Dinyanyikan oleh Megat Nordin)
  - Sembilu Kasih
  - Singgah Di Kota Bharu
  - Budi Bahasa
  - Sunyi Sepi
    (Dinyanyikan oleh Fendi Ayam Serama)
  - Air
  - Ke Sayup Bintang
  - Sakat Buleh Bini Baru
    (Dinyanyikan oleh Mat Glamour)
  - Sakat Buleh Janda
  - Gerimis Cinta
  - Jasnita
  - Seraut Wajah
    (Dinyanyikan oleh Rizal)
  - Di Tabir Impian
  - Anak Muda Alaf Baru
    (Dinyanyikan oleh Rozi Kemang Berduri)
  - Di Arus Linangan Air Mata
  - Kering Layu
    (Dinyanyikan oleh Stapo Merak Mas)
  - Gulai Sayur

*Majlis Anugerah Budaya Negeri Kelantan 06*

10



Sijil Penghargaan

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MALAYSIA
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada

SUPIAN BIN HASSAN

sebagai

HAKIM
PERTANDINGAN DIKIR BARAT
BERSEMPENA DENGAN FESTIVAL BAHASA DAN SASTERA
PERINGKAT NEGERI KELANTAN 2023

pada
21 MEI 2023 (AHAD)

bertempat di
KOLEJ VOKASIONAL BACHOK, KELANTAN

anjuran
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA WILAYAH TIMUR
dengan kerjasama
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KELANTAN

KETUA PENGARAH
Dewan Bahasa dan Pustaka
Malaysia

# GLOSARI

## Glosari

A

| | |
|---|---|
| Agensi | Organisasi, perniagaan yang mengendalikan sesuatu perkhidmatan |
| Aktif | Giat bekerja, giat berusaha, cergas |
| Album | Sebuah koleksi muzik atau audio berkaitan yang diedar kepada orang ramai |
| Allahyarham | Allah merahmati, gelaran digunakan untuk merujuk kepada si mati |
| Asrama | Tempat penginapan, bangunan tempat tinggal kumpulan tertentu |
| Automatic | Automatik |

B

| | |
|---|---|
| Bait | rangkap |
| Belia | Golongan muda |
| Bendang | Kawasan yang bencah atau digenangi air untuk bercucuk tanam padi |
| Bengkel | Seminar |

C

| | |
|---|---|
| Caj | Bayaran , mengenakan harga |
| Covid | Pandemik koronavirus atau wabak koronavirus |
| Crowded | Sesak, orang ramai |

D

| | |
|---|---|
| Dewan | Balai atau ruang tempat diadakan majlis-majlis forum |
| Disiplin | Latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tatatertib |
| Disc Jockey | Juruhebah |
| Drama | Satu bentuk kesusasteraan yang mempunyai bahagian yang dilakonkan |

E

| | |
|---|---|
| Effect | Kesan |
| Elemen | Sesuatu yg menjadi bahagian dalam sesuatu keseluruhan unsur |

F

| | |
|---|---|
| Focus | Fokus |
| Family | Keluarga |
| Festival | Perayaan |
| Final | Akhir |

G

| | |
|---|---|
| Government | Kerajaan |
| Group | Kumpulan |
| Gimnasium | Suatu lokasi khusus untuk kegiatan olahraga |

I

| | |
|---|---|
| Iklan | Salah satu cara untuk memperkenalkan barangan, perkhidmatan, peluang pekerjaan, inspirasi dan maklumat kepada yang ingin disampaikan |
| Internet | Rangkaian komputer antarabangsa |

J

| | |
|---|---|
| Jabatan | Bahagian daripada pentadbiran kerajaan yang mengurus tugas-tugas tertentu |
| Join | Sertai, menyertai |

K

| | |
|---|---|
| Kod | Tulisan dengan tanda yang mempunyai erti yang tertentu atau yang tersembunyi |
| Komersial | Berkaitan dengan atau bersifat perdagangan, kepentingan dan tujuan |
| King | Raja |

L

| | |
|---|---|
| Lagu | Irama suara |
| Live | Siaran langsung |

M

| | |
|---|---|
| Maksiat | Perbuatan mengingkari perintah yang ditetapkan oleh Allah SWT. |
| Million | Juta |

N

| | |
|---|---|
| Novel | Cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks, yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial |

O

| | |
|---|---|
| Offer | Tawaran |
| Okay | Baiklah |

P

| | |
|---|---|
| Point | Sudut pandangan |
| Prepare | sediakan |
| Public Figure | Tokoh Masyarakat |

Q

| | |
|---|---|
| Queen | Permaisuri |

R

| | |
|---|---|
| Rekreasi | kegiatan yg menyeronokkan yg boleh menyegarkan kembali kesihatan badan dan melapangkan fikiran, riadah |
| Resume | Keterangan ringkas tentang maklumat diri |
| Ritma | Urutan proses semula jadi yang berulang dalam sela masa yang tetap |

S

| | |
|---|---|
| Seni | Karya yang dicipta dengan bakat, hasil daripada sesuatu ciptaan |
| Staff | Pekerja |
| Survive | Bertahan |

T

| | |
|---|---|
| Tema | Subjek yang menjadi dasar suatu pembicaraan, wacana, karangan, cerita dan tajuk |
| Time | Masa |
| Training | Latihan |

W

| | |
|---|---|
| Warisan | Peninggalan artifak fizikal |
| Wife | Isteri |

Y

| | |
|---|---|
| You | Awak |

# INDEKS

**A**

Adakah 6,7,9,16,17,19,20,23,25,27,29,32,33,41,46,52

Anak 3,4,5,17,27,29,31,32,39,40,41,42,51,52

Antara 7,12,14,15,16,17,18,19,23,27,29,34,44,77

Awal 5,6,11,12,14,16,22,26,32,42,43,75

**B**

Bagaimanakah 6,11,15,20,21,22,23,24,27,29,30,51

Beliau 1,5,6,10,12,38,39,40,41,42,43,44,45,47,50,51,52,55,56,57,58

Bertugas 8,9,10,16,22,45,46

Buku 3,5,6,7,19,20,22,23,24,25,26,29,38,39,41,43,58,74

**C**

Cabaran 9,27,28,29,34,46,47,57

Ceritakan 3,10,21,26,38,39,40,41,42,43,44,45,46,47,50,51,52

Contohnya 4,9,33,34,40,46

**D**

Dikir Barat
1,2,7,8,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,24,25,26,27,28,29,30,31,32,33,34,36,38,44,45,48,51,52,53,57,83

**E**

Encik
2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,31,32,33,38,39,40,57,58,59

**I**

Ikan
2,3,5,6,8,9,10,11,14,15,16,17,20,21,22,23,25,27,28,29,30,32,33,36,39,42,43,46,48,51,52,56,57,58,75,77,78,80

**O**

Orang
2,34,5,6,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,32,33,34,38,39,40,41,42,43,47,53,56,57,75,76,78,79,81,83

**P**

Pada
2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,32,33,38,40,42,44,46,47,48,52,53,56,57,58,75,76,77,78,79,80,81,82

**S**

Saya
2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,32,33,34,41,43,44,45,46,47,48,51,53

**U**

Untuk
7,8,9,11,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,25,26,27,28,30,31,32,34,36,42,45,46,47,51,52,53,56,58,59,75,77,78,79,80,81,83

**Y**

Yang
1,2,3,4,5,6,7,8,9,10,11,12,13,14,15,16,17,18,19,20,21,22,23,24,25,26,27,28,29,30,32,33,34,38,39,40,41,42,43,44,45,46,47,48,50,51,52,53,56,57,76,78,79,80,81,82,83